


PERBAHASAN
AHLI PARLIMEN SUNGAI SIPUT 2015
JEYAKUMAR DEVARAJ



Isi Kandungan

A. Perbahasan di Parlimen

1.	Kata Aluan	5
2.	Perbahasan Titah Diraja: Arang Batu, Tibi, POTA dan Rohingya.	8
3.	Jangan Menjenayahkan Pengambilan Ketum.	12
4.	Bagaimanakah Gaji Pencuci Australia 11 Kali Lebih Tinggi Berbanding Pencuci Malaysia?	14
5.	Ucapan Penangguhan: Kerajaan Harus Mengiktiraf Pekebun Sayur.	17
6.	Punca Kemiskinan Orang Kampung.	20
7.	Jerebu, Karbon Dioksida dan Gajah.	29
8.	Pastikan Bantuan untuk Pesawah Sampai Ke Sasaran.	31
9.	Kesejahteraan Rakyat Lebih Penting daripada Kadar Peningkatan GDP!	36
10.	Tangki Pembentukan Komunal, Tenaga yang Boleh Diperbaharui.	39
11.	Tibi, TPPA, Perkeso dan Pembedahan Jantung.	41

B. Usul dan Pindaan Rang Undang-Undang

1. Usul Mencadangkan Pindaan pada Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. **47**
2. Pindaan Terhadap Akta Antipemerdagangan Orang. **49**
3. Usul Mencadangkan Pindaan pada Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). **51**
4. Pindaan Terhadap Akta Perhubungan Perusahaan: Tanggungan bersama dan berasingan bagi pengarah. **56**
5. Pindaan Terhadap SOSMA. **59**
6. Krisis Kemanusiaan Pelarian Rohingya di Lautan Andaman. **61**

C. Lain-lain

1. Kajian Terhadap Ekonomi Masyarakat Desa. **64**
2. Surat Kepada Wakil Rakyat PAS, Amanah dan BN. **73**
3. Impak Perjanjian TPPA Terhadap Buku-Buku Rujukan Pelajar. **76**
4. Aduan Polis Terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. **78**

Kata Aluan

Kepada pengundi Sg Siput,

salam sejahtera! Antara tanggungjawab saya sebagai Wakil Rakyat anda adalah untuk mengemukakan masalah, keluhan dan pandangan rakyat Sg Siput ke pihak atasan serta mengesyorkan cadangan-cadangan untuk menangani isu-isu terlibat.

Untuk melaksanakan tanggungjawab ini saya telah cuba turun ke padang untuk memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat umum, dan setelah itu membentangkan isu di Parlimen melalui ucapan (Seksyen A), cadangan memindahkan undang-undang (Seksyen B) dan usaha lain seperti surat, kenyataan akhbar dan laporan polis (Seksyen C).

Saya juga telah menfailkan dua kes “Semakan Kehakiman” dalam tahun 2015 terhadap Menteri Kesihatan dan Menteri Besar Perak berkaitan kawalan penyakit tibi dan pengusiran pekebun sayur kecil. Dokumen berkaitan dua kes ini tidak disertakan dalam penerbitan ini. Sesiapa yang ingin membaca dokumen berkaitan kes-kes ini boleh memintanya di Pusat Khidmat PSM di Taman Orkid.

Saya harap anda boleh ambil sedikit masa untuk meneliti isu-isu yang saya telah bawakan ke Parlimen atas nama anda dan memberi saya maklum balas terhadapnya. Juga, beritahu saya apakah isu-isu lain yang saya harus bentangkan di Parlimen.

Anda berhak memberi syor dan pandangan kepada Wakil Rakyat anda. Tolong menggunakan hak ini dan bantu saya memantapkan lagi peranan saya sebagai wakil anda.

Terima kasih.

Jeyakumar Devaraj

Tel : 019 5616807

emel: rrani.kumard@gmail.com

Seksyen A

Perbahasan Di Parlimen

Arang Batu, Tibi, POTA dan Rohingya

Perbahasan Terhadap Titah Seri Paduka Baginda Mac 2015

Terima kasih Tuan Yang Dipertua atas peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja. Saya ada beberapa perkara yang saya hendak bawa dan oleh kerana masa diberi hanya 10 minit saya akan sentuh perkara-perkara ini secara ringkas.

Isu pertama adalah Polisi Tenaga Negara – our National Energy Policy. Saya telah membaca jawapan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau, dan Air yang diberi dalam sesi Parlimen yang lalu. Menteri menyatakan bahawa sumbangan arang batu kepada jumlah tenaga elektrik yang dijana di Malaysia akan meningkat daripada 42% pada tahun yang lalu kepada 62% pada tahun 2020. Ini adalah satu isu yang amat membimbangkan kerana arang batu adalah sumber tenaga yang jauh lebih mencemarkan alam sekitar berbanding sumber-sumber penjanaan elektrik yang lain.

Kita semua sedar isu pemanasan iklim. Pada masa ini Malaysia merupakan antara negara dengan pengeluaran karbon dioksida dengan kadar per kapita yang tertinggi. Pada tahun 2010, kita telah mengeluarkan 7.7 tan metrik karbon dioksida per kapita berbanding 1.8 untuk Indonesia, dan 0.9 tan metrik untuk Filipina. Kita di paras yang sangat tinggi dan jika kita meningkatkan lagi penggunaan arang batu untuk menjana kuasa elektrik, jejak karbon (carbon footprint) kita akan jadi lebih besar. Mengikut jawapan Menteri Tenaga sumber yang boleh diperbaharui hanya akan menyumbang 3% kepada penjanaan kuasa elektrik di Malaysia menjelang tahun 2020.

Jika kita bandingkan dengan negara-negara lain umpamanya New Zealand di mana 65% daripada penjanaan kuasa elektrik adalah daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui, yang renewable. Kita kena kaji balik pendekatan kita dan bertindak secara lebih bertanggungjawab. Saya harap

Rancangan Malaysia Ke -11 akan merakamkan satu pelan induk, satu master plan, yang beri garis-garis panduan bagaimana kita akan tambahkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dan mengurangkan penggunaan arang batu dalam penjanaan kuasa elektrik.

Isu kedua yang ingin dikemukakan adalah berkaitan dengan tibi. Bulan lalu saya telah membaca satu artikel dalam majalah Persatuan Perubatan yang menyatakan bahawa bilangan kes tibi telah meningkat secara mendadak daripada 10,000 kes dalam tahun 1990 ke lebih daripada 24,000 pada tahun 2014. Salah satu sebab untuk peningkatan ini adalah kerana Kementerian Kesihatan telah mengabaikan prinsip-prinsip kesihatan umum.

Dalam surat pekeliling yang dikeluarkan pada 29hb Disember 2014. Timbalan Ketua Setiausaha dalam Kementerian Kesihatan mengarahkan bahawa pendatang asing tanpa dokumen yang datang ke Hospital Kerajaan harus dirujuk kepada pihak polis ataupun imigresen. Ini terkandung dalam poin 10, surat pekeliling tersebut.

Ini bermakna seorang pekerja asing tanpa dokumen yang sah yang ada batuk akan cuba merawat diri sendiri. Dia takut ke hospital kerana akan ditangkap dan dihukum. Dan jika batuknya berpunca daripada sakit tibi dia akan terus menjangkiti orang lain di tempat kerjanya, di tempat tinggalnya, dalam bas-bas dan kedai-kedai. Jika kerajaan ingin menangkap orang PATI, tangkaplah. Tetapi tangkap di luar hospital. Jangan campur urusan imigresen dengan urusan rawatan. Itu melanggar prinsip kesihatan umum, public health policy. Dan tibi tidak dapat dikawal seperti itu! Amat mengecewakan! Kita ada ramai pakar-pakar Kesihatan Umum di Kementerian Kesihatan yang telah belajar di Harvard dan di Oxford, tetapi mereka mengamalkan satu polisi yang begitu cacat!

Isu ketiga – saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Polis

Negara atas tindakan beliau menangkap YB Lembah Pantai dan menahannya selama satu malam. Tindakan itu telah mengingatkan kita sekali lagi bahawa kita harus waspada! Dalam 10 hari kita akan berbahas rang undang-undang POTA ataupun "*Prevention of Terrorism Act*" di mana polis akan diberi kuasa untuk menahan orang tanpa dibicara di Mahkamah. Tahan dua tahun dan sambung lagi dua tahun seperti dalam ISA. Kerajaan kata ini perlu untuk keselamatan negara.

Jika polis betul-betul profesional, jika polis telus, kita boleh bagi. Tetapi saya ingin tanya, apabila YB Lembah Pantai pergi ke Balai, kenapa tidak ambil kenyataan dan lepas itu benarkan beliau pulang? Saya tahu polis ada kuasa untuk menahan selama 24 jam. Memang ada kuasa. Tetapi kuasa itu harus digunapakai secara yang bertanggungjawab, secara profesional untuk memajukan siasatan.

Bukan untuk hukum, untuk seksa orang dan untuk mengugut dan takutkan orang ramai. Peristiwa ini menunjukkan sejelas-jelasnya bahawa polis kita tidak boleh diberi kuasa yang lebih kerana mereka belum membuktikan kematangan dan sikap profesionalisme mereka.

Poin terakhir saya adalah berkaitan 80,000 orang pelarian Rohingya yang berada di Malaysia. Masalah di Malaysia adalah kita tidak mengasingkan orang pelarian daripada pendatang asing tanpa izin. Orang pelarian lari dalam keadaan kecemasan untuk menyelamatkan nyawa mereka. Mana ada masa untuk pohon dokumen dan visa? Di Malaysia, walaupun kita benarkan mereka duduk di sini sehingga disiasat oleh UNHCR, kita tidak beri mereka permit kerja. Oleh itu mereka terpaksa kerja secara curi-curi, dan mereka tidak dapat perlindungan undang-undang pekerja. Mereka dibuli di tempat kerja tetapi tidak ada ruang untuk mengadu.

Jika kita belum sedia tandatangani konvensyen UN terhadap orang pelarian, tidak apa. Tetapi kita boleh buat sedikit. Iktiraf orang pelarian dan bezakan

mereka daripada PATI. Dan memberi mereka Permit Kerja. Adanya 2 juta pekerja asing dengan permit kerja yang sah pada takat ini. Menambahkan jumlah itu dengan 80,000 orang pelarian Rohingya tidak akan menyebabkan lambakan pekerja asing dengan permit kerja! Kita harus bersimpati dengan golongan Rohingya di Malaysia – didera di negara mereka. Datang sini pun tidak dilayan dengan baik.

Saya harap kerajaan kita boleh mengkaji balik pendekatan kita terhadap orang pelarian.

Jangan Menjenayahkan Pengambilan Ketum

Pemindaan untuk memasukkan “Ketum” ataupun “Kartom” sebagai salah satu daripada dadah berbahaya bersama morfin dan kanabis telah didebat di Dewan Rakyat pada 1/4/2015. Bila pemindaan ini diluluskan, pengambilan ketum akan dikenakan hukuman denda RM 5000 dan/atau penjara selama 2 tahun. Berikut adalah ucapan saya-

Terima kasih Dato Speaker memberi saya ruang berbahas pindaan pada Akta Dadah Berbahaya 1952. Pada saya, sudah sampai masa kita mengkaji balik pendekatan kita terhadap penagih dadah.

Kaedah yang kita gunakan sekarang adalah untuk tangkap, dan penjarakan mereka. Tetapi saya sendiri telah lihat bagaimana pendekatan seperti ini sedang menjejaskan usaha untuk memulihkan penagih dadah – untuk menyelamatkan mereka dari perangkap dadah. Kita tidak boleh menganggap semua penagih adalah orang yang jahat dan langsung tidak bertanggungjawab. Sebagai orang yang tidak berguna pada masyarakat.

Ada sebahagian penagih yang sedang cuba menjaga keluarga dan anak mereka walaupun mereka masih terperangkap dalam dadah. Mereka sedang bekerja, cari pendapatan dan menjaga keluarga mereka. Tetapi bila mereka ditangkap, direman beberapa hari dalam lokap polis dan selepas itu dipenjarakan, usaha mereka untuk menjaga anak keluarga mereka digagalkan. Pendekatan kita gagalkan usaha mereka hidup sebagai seorang ahli keluarga yang bertanggungjawab. Kita yang jadikan mereka “failure” (kegagalan).

Bila seorang penagih menjadi “failure” ada kemungkinan isterinya akan meninggalkannya. Dia akan hilangkan keluarganya. Bila ini berlaku, insentifnya untuk hidup secara bertanggungjawab akan hilang. Dia akan putus asa dan terus hidup sebagai seorang “failure” sebagai seorang penagih seterusnya.

Kita perlu mengubah pendekatan kita. Kita harus berhenti beranggapan pengambilan dadah itu sebagai satu jenayah. Kita perlu “decriminalize” pengambilan dadah. Pengedaran dadah harus dianggap sebagai jenayah dan dikenakan hukuman. Mencuri kerana mahu membeli dadah juga harus dianggap sebagai jenayah. Membawa kenderaan semasa mabuk dengan dadah boleh juga dianggap jenayah.

Tetapi pengambilan dadah di rumah sendiri harus dianggap sebagai satu kelemahan yang patut diberi kaunseling dan bantuan untuk mengurangkan kebergantungannya pada dadah. Dan bukan dianggap sebagai satu jenayah besar.

Pindaan yang dicadangkan hari ini bergerak ke arah yang bertentangan dengan apa yang saya baru hujahkan. Dengan pindaan ini kita memperluaskan bahan-bahan ketagihan yang dianggap sebagai jenayah.

Saya harap Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri akan kaji balik perkara ini dan menjadikan pengambilan suatu amalan yang bukan bersifat jenayah. Supaya kita tidak gagalkan usaha pengambil dadah memulihkan diri. Dan saya tidak dapat menyokong pindaan ini yang akan menambahkan tekanan pada B40, lapisan rakyat termiskin di Malaysia. Terima kasih Tn Speaker.

Bagaimanakah Gaji Pencuci Australia 11 Kali Lebih Tinggi Berbanding Pencuci Malaysia?

Petikan dari Ucapan Terhadap Rancangan Malaysia Ke-11 26/5/2015

Perdana Menteri kita telah banyak menumpu pada isu produktiviti pekerja kita. Dia kata kita harus meningkatkan produktiviti pekerja untuk melonjakkan Malaysia ke peringkat negara maju. Saya setuju, produktiviti pekerja harus ditingkatkan. Tetapi adakah produktiviti rendah pekerja kita sebab utama untuk pendapatan rendah pekerja Malaysia?

Saya ingin mengemukakan satu “conundrum”, suatu perkara yang menimbulkan soalan dan pemikiran, untuk perhatian Dewan. Pada takat ini seorang pencuci pejabat di Australia menerima gaji sebanyak 19.70 Dollar Australia setiap jam kerja. Jika kita kira 40 jam kerja seminggu pendapatan bulanannya adalah 3472 Dollar Australia. Nilai Dollar Australia adalah RM2.80 pada takat ini. Bila kita darab dengan 2.8 kita dapati pendapatannya adalah RM 9,757 sebulan. Ini tanpa buat kerja overtime. Hanya kerja 8 jam sehari, 5 hari seminggu, dapat RM 9,757 sebulan.

Tetapi pencuci yang buat kerja yang sama di Malaysia hanya dapat gaji RM 900 sebulan. 11 kali lebih untuk pekerja pencuci di Australia! Apakah sebab itu? Adakah ianya perbezaan dalam produktiviti? Adakah pencuci di Australia menggunakan IT dalam kerjanya, ataupun alat-alat canggih? Tak, alat sama juga – penyapu, pembersih hampagas, dan mop.

Tetapi gaji hampir 11 kali lebih. Bagaimana? Ini kita kena kaji dan fahami. Kerana inilah perkara yang penting (*crux of the matter*). Pihak EPU (Unit Perancangan Ekonomi) harus mengkaji *conundrum (teka-teki)* ini kerana ia beri satu fahaman yang mendalam terhadap struktur ekonomi global.

Pada saya, kita perlu analisa dua perkara. Yang pertama adalah pengagihan

kekayaan antara negara membangun dan negara kaya oleh sistem perdagangan antarabangsa yang wujud sekarang. Sistem perdagangan ini telah diwujudkan oleh pihak penjajah 400 tahun dahulu bila negara-negara dari Eropah menguasai dunia. Dari zaman itu, sistem perdagangan antarabangsa adalah berat sebelah dan berfungsi untuk memindahkan kekayaan daripada negara-negara di Afrika dan Asia ke benua Eropah dan Amerika Utara.

Dahulu mereka datang menjajah kita secara langsung. Selepas itu mereka manipulasi harga barangan di mana harga barangan yang dikeluarkan oleh negara membangun disimpan di tahap yang rendah tetapi harga barangan buatan negara maju dijual dengan harga mahal. Selepas itu syarikat-syarikat besar dari negara maju dikenakan royalti yang tinggi terhadap teknologi yang dijual kepada negara membangun.

Pengendalian capaian ke pasaran negara maju telah membolehkan syarikat besar menggunakan kaedah *transfer pricing* untuk memindahkan kekayaan yang dikeluarkan oleh pekerja negara membangun ke syarikat kaya di negara maju. Ini telah berterusan untuk 300 tahun yang lalu. Kekayaan yang dicipta, yang dikeluarkan oleh negara membangun telah dipindahkan ke negara-negara barat dengan menggunakan pelbagai kaedah.

Sekarang dia membawa satu kaedah yang lebih canggih iaitu TPPA. Dia mahu menggunakan TPPA untuk memanjangkan tempoh paten ubat, untuk lanjutkan hakcipta untuk bahan cetakan. Dia hendak membawa ISDS, *Investor State Dispute Settlement* di mana syarikat dia boleh mendakwa kerajaan kita di mahkamah antarabangsa jika kita melakukan sesuatu yang sentuh untungnya.

Itulah sebabnya saya begitu anti-TPPA ini Yang Dipertua. Ia adalah usaha untuk mengukuhkan satu sistem ekonomi antarabangsa yang memeras

negara-negara sedang membangun. Ambil kekayaan yang dicipta di sini dan hantar ke negara kaya. Jika sesiapa ingin memahami perkara ini secara lebih mendalam, rujuklah pada buku-buku Profesor Samir Amin. Dia seorang pakar ekonomi dari Mesir, dan dia memberi analisa Marxis yang begitu jelas terhadap perkara ini.

Tetapi bagaimanakah pencuci di Australia dapat gaji yang 11 kali lebih daripada gaji pencuci di Malaysia. Bagaimanakah kaum pekerja di Australia telah dapat sebahagian daripada kekayaan yang diperas dari negara Asia dan Afrika? Untuk memahami isu ini kita kena rujuk pada sejarah moden negara-negara Eropah dan juga Australia. Pekerja di negara maju telah, melalui kesatuan mereka dan parti-parti buruh, mendesak untuk gaji yang lebih baik dan kemudahan sosial seperti perkhidmatan kesihatan percuma, pendidikan percuma hingga ke peringkat universiti, bayaran pampasan pengangguran, pencen warga emas dan sebagainya.

Pada zaman 50an dan 60an, negara Kesatuan Soviet masih kuat dan Perang Dingin berlangsung. Pihak elit di negara Eropah dan Amerika Syarikat khuatir pekerja mereka akan memberontak jika tidak diberi sebahagian daripada tuntutan mereka. Jadi, oleh sebab kekuatan USSR, pekerja di Eropah, Amerika dan juga Australia dapat menang beberapa konsensi. Inilah sebabnya seorang pencuci di Australia mendapat gaji 11 kali lebih daripada seorang pencuci di Malaysia.

Jika masalah pokok adalah produktiviti rendah di kalangan pekerja kita, cadangan Perdana Menteri untuk meningkatkan kemahiran pekerja kita adalah tepat. Tapi jika masalah pokok adalah sistem perdagangan global yang berat sebelah, jika masalah pokok adalah Imperialisme, hanya meningkatkan kemahiran pekerja kita tidak mencukupi. Malangnya langsung tiada kesedaran terhadap masalah Imperialisme dalam dokumen RMK 11 ini.

Dokumen RMK ini mencadangkan meningkatkan pendapatan isi rumah ke

RM 5000 sebulan menjelang 2020. Ini bererti, jika kedua suami dan isteri bekerja pun, mereka harus dapat gaji pokok sebanyak RM 1800 seorang sebulan. Barulah dengan overtime 2 jam sehari mereka akan dapat RM 2500 sebulan seorang dan capai RM 5000 sebulan seisi rumah. Akan tetapi gaji minima sekarang hanya RM 900 sebulan. Dan Perdana Menteri kita baru mengumumkan bahawa tidak boleh meningkatkannya tahun ini. Inilah realitinya. Adanya pertindihan antara ekonomi modal dan ekonomi rakyat. Inilah sebabnya wujudnya sekatan pada hasrat kita menaikkan gaji minima.

Dalam sistem global yang wujud sekarang, jika hanya Malaysia sahaja yang melakukannya, ada kemungkinannya kita akan hilang FDI ke Vietnam dan Thailand. Jika kita melawan sistem global seorang diri, kita akan terima akibatnya. Kita harus fikirkan isu ini dan aturkan strategi untuk mengatasi sekatan itu. Saya percaya jawapannya adalah kita kena melakukannya bersama dengan negara-negara serantau.

Tetapi langkah pertama adalah kita kena sedar imperialisme wujud, pemerasan ekonomi ekonomi negara membangun sedang berterusan. Baru kita boleh berbincang strategi mengatasinya.

Jika kita mahu mencabar pemerasan imperialisme kita harus berbincang bagaimana kita boleh menggerakkan ASEAN, bagaimana kita dapat bekerja dengan negara-negara lain di Afrika dan Amerika Selatan, bagaimana kita dapat menghidupkan balik semangat Bandung. Tetapi malangnya kewujudan sistem perdagangan antarabangsa yang berat sebelah tidak diambilkira oleh perancang kita. Ia langsung tidak diiktiraf. Bagaimana boleh rancang untuk lawannya?

Macam cerita dongeng, kita kata “ekonomi rakyat” dan “ekonomi modal” seolah tiada percanggahan. Memang ada percanggahan tetapi dokumen ini tidak menghadapi hakikat itu. Ia tidak sedar terhadap cabaran yang

ditemui oleh negara macam Malaysia yang ingin membangun.

Pada saya ini bukan satu dokumen perancangan ekonomi yang serius. Konsep-konsep yang digunapakai tidak jelas. Definisi kemiskinan tidak tepat. Dokumen ini tidak kendalikan isu pemerasan negara dunia ketiga oleh sistem perdagangan antarabangsa. Pertindihan antara ekonomi modal dan ekonomi rakyat tidak diakui. Dan ada beberapa angka yang susah dipercayai.

Jadi pada saya dokumen RMK 11 ini lebih merupakan satu dokumen “feel good” (syok sendiri), satu alat propaganda dan bukan satu dokumen perancangan ekonomi yang serius.

Selagi pertindihan ekonomi modal dan ekonomi rakyat tidak diakui, diambil kira dan ditangani, rakyat biasa akan terus dibebankan dan akan menghadapi masalah ekonomi. Dokumen RMK 11 ini adalah dokumen yang mengecewakan, dan saya tidak dapat menyokongnya.

Terima kasih.

Ucapan Penangguhan:

Kerajaan Harus Mengiktiraf Pekebun Sayur

Dalam Sesi Parlimen Kedua, dua Ucapan Penangguhan dibenarkan setiap hari, dan mereka dijawab oleh Menteri berkenaan

Setiap tahun Malaysia mengimport sayur-sayuran bernilai berjuta-juta ringgit. Tahap sara diri kita dalam sayur-sayuran adalah lebih kurang 70% sahaja. Lebih daripada 80% sayur-sayuran yang dijual di pasar-pasar kita adalah dari kebun-kebun kecil yang tidak mempunyai geran untuk tanah yang diusahakan oleh mereka. Kebun-kebun ini terletak di kawasan bekas lombong ataupun tanah kerajaan lain.

Masalahnya adalah pembangunan negara dan perkembangan bandar-bandar kita telah dan sedang memberi tekanan kepada pekebun-pekebun sayur. Di merata kawasan di Malaysia pekebun kecil ini sedang diusir keluar daripada tanah yang keluarga mereka telah kerjakan untuk beberapa dekad kerana tanah itu dikehendaki untuk projek perumahan, perindustrian, padang golf, dan sebagainya.

Oleh kerana kebanyakan daripada pekebun ini tidak mempunyai geran untuk tanah yang mereka usahakan, mereka tidak ditawarkan tanah gantian untuk meneruskan pertanian sayur-sayuran, dan negara kita kehilangan kemahiran mereka dalam menyuburkan tanah lombong terbiar menjadi kebun-kebun yang boleh menghasilkan sayur-sayuran untuk rakyat kita.

Di Malaysia, pengurusan tanah adalah di bawah kuasa Negeri. Tetapi Perkara 91 dalam Perlembagaan Persekutuan mewajibkan penubuhan Lembaga Tanah Negara di mana wakil-wakil dari Kerajaan-Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan duduk bersama untuk menentukan polisi berkaitan dengan penggunaan tanah di negara kita.

Siapakah Kementerian yang mewakili Kerajaan Persekutuan di Lembaga

Tanah ini? Adakah isu-isu tahap sara diri *dalam* sayur-sayuran dan nasib pekebun kecil yang sedang diusir daripada kebun-kebun mereka pernah dibawa untuk perbincangan di Lembaga Tanah ini? Jika “ya” apakah keputusan Lembaga Tanah ini? Adakah Lembaga ini pernah meminta setiap negeri untuk melaksanakan satu kajian untuk mengenalpasti jumlah pekebun kecil yang sedang bercucuk tanam di atas tanah kerajaan tanpa izin rasmi?

Bukankah lebih baik untuk kepentingan negara dengan memberi perlindungan kepada sektor ini yang mengeluarkan satu barangan keperluan asas rakyat kita? Bukankah lebih bijak untuk menggunakan tanah perladangan yang jauh lebih luas daripada tanah kebun sayur untuk projek-projek pembangunan?

Terima kasih.

Balasan Menteri Pertanian terhadap Ucapan Penangguhan saya pada 16/6/2015

1. Tahap sara diri *dalam* sayur-sayuran telah capai takat 94% pada tahun 2014. Dan 75% daripada sayuran yang diimport adalah sayuran yang tidak dapat ditanam di Malaysia seperti bawang dan brokoli.
2. Majlis Tanah Negara adalah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh beberapa orang Menteri termasuk, Kewangan, Perusahaan, Pembangunan Luar Bandar, MITI, Kerja Raya dan Pertanian, selain daripada MB semua negeri. MTN belum lagi berbincang isu petani sayuran yang tidak mempunyai geran untuk tanah mereka.
3. Wujudnya satu lagi Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang telah membincangkan isu sekuriti makanan. Jawatankuasa ini telah memutuskan bahawa beberapa kawasan tanah harus dikekalkan untuk agro makanan – Tanah Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Adanya sekarang 70 projek TKPN, 62 atas tanah negeri dan 8 atas tanah persekutuan dengan keluasan tanah 9786 hektar. 30 daripada TKPN ini, yang meliputi 2200 hektar tanah adalah khas untuk penanaman sayur-sayuran.
4. Pekebun sayuran yang berminat harus berdaftar dengan Pejabat Pertanian untuk mengambil bahagian dalam Projek TKPN yang baru. Kena bayar sewa pada GLC yang mengendalikan tiap projek.

Selepas sesi jawapan saya telah pohon pada Menteri untuk tarikh membawa petani sayur untuk berjumpa dengannya. Dia kata boleh, tetapi 5 orang sahaja. Saya bersetuju dan pembantunya telah pun mengambil nombor telefon bimbit saya dan berjanji akan menghubungi saya.

Punca Kemiskinan Orang Kampung

Perbahasan Belanjawan 2016 Di Peringkat Dasar

Terima kasih Tuan Speaker atas peluang membahas Belanjawan 2016. Saya ingin mengulas Belanjawan 2016 dari perspektif pengalaman orang kampung Sg. Siput.

Saya telah menjalankan suatu kajian kecil¹ terhadap situasi ekonomi penduduk kampung-kampung di kawasan desa Sg. Siput selepas sesi Parlimen yang lalu. Saya dapat mengumpulkan butir-butir pendapatan bagi 135 keluarga Melayu di kawasan desa dan mendapati bahawa 45% daripada mereka memperoleh pendapatan isi rumah di bawah RM 1200 sebulan dan 40% lagi berpendapatan di antara RM 1200 ke 2000 sebulan. Hanya 15% keluarga yang memperoleh pendapatan yang melebihi RM 2000 sebulan.

Tuan Speaker, RM 1200 tidak mencukupi untuk menampung segala perbelanjaan sebuah keluarga dengan 2 atau 3 orang anak walaupun di kawasan luar bandar. Sudah tentu tidak boleh hantar anak untuk tuisyen. Bayaran yuran bas sekolah dan bil elektrik pun susah untuk dibayar. Pada saya kadar kemiskinan dalam masyarakat kampung di kawasan Sg Siput adalah lebih daripada 45%.

Itulah sebabnya saya hairan mendengar YAB Pekan memuji dirinya dalam pembentangan belanjawan dengan mengatakan kita sudah berjaya membasmi masalah kemiskinan di Malaysia. Pekan berkata kadar kemiskinan hanya 0.6% sahaja pada tahun 2014. Ini jauh dari hakikatnya Tuan Speaker. Nampaknya Pekan juga sudah menjadi mangsa kepada propaganda kerajaannya sendiri. Kerana kerajaan telah menetapkan satu paras yang terlalu rendah sebagai garis kemiskinan – hanya RM 830 sebulan untuk Semenanjung Malaysia. Bererti sebuah keluarga dengan RM 900 dikategorikan sebagai bukan miskin.

Ini bukan hakikatnya Tuan Speaker. Saya fikir pada takat ini, garis kemiskinan harus ditetapkan pada RM 1500 sebulan sekeluarga untuk kawasan luar bandar dan di paras RM 2500 untuk masyarakat bandar. Jika kita gunakan definisi realistik ini, paras kemiskinan akan meningkat ke 25%.

Saya dapati dalam kajian kecil saya bahawa dalam kalangan lelaki yang berkerja makan gaji, satu pertiga berkerja untuk gaji di bawah RM 900 sebulan. Ini di bawah paras gaji minima. Mengapa ini berlaku?

Jawapannya adalah kehadiran 3.5 juta pekerja asing tanpa izin ataupun PATI. Mereka ada di merata tempat di negara kita dan mereka rela bekerja dengan gaji di bawah paras minima. Di Sg Siput juga ada beribu-ribu PATI yang sedia bekerja di ladang, di kebun dan di FELDA dengan gaji di bawah RM 900 sebulan. Mereka tidak ada pilihan lain – nak adu kepada pihak mana? Mereka adalah “haram”. Jika ke depan untuk mengadu akan ditangkap dan dihantar ke kem tahanan.

Isu PATI ini satu masalah besar di negara kita kerana kehadiran mereka menyekat peluang pekerjaan rakyat kita yang dari keluarga B40 dan menurunkan gaji untuk semua pekerja. Saya ingin huraikan sedikit bagaimana PATI diwujudkan. Minggu lalu 33 orang pekerja asing dari Sri Lanka datang berjumpa saya. Mereka telah datang untuk kerja di kilang Hume Cemboard, sebuah kilang besar dekat Sg Siput, 4 bulan yang lalu. Beberapa hari sebelum berjumpa dengan saya, mereka telah mengadu kepada majikan kerana tidak dibayar elaun syif seperti yang dijanjikan dalam kontrak kerja mereka.

Pihak majikan telah ambil keputusan menghentikan semua 33 orang pekerja ini. Mereka dibuang kerja. Majikan potong permit kerja mereka dan mendapatkan COM ataupun “check out memo”. Tiket penerbangan balik ke Sri Lanka juga sudah ditempah.

Masalahnya adalah ramai antara mereka telah meminjam RM 6000 setiap seorang untuk bayar yuran ejen di Sri Lanka, dan mereka belum bayar balik hutang itu. Mereka tidak sedia balik ke negara mereka sehingga dapat membayar balik hutang-hutang ini.

Saya cadangkan kepada mereka untuk melaporkan aduan di Jabatan Perhubungan Perindustrian dan selepas itu dapatkan Pas Khas daripada pihak Imigresen untuk terus berada di Malaysia. Saya janji untuk membantu tetapi juga memberitahu mereka bahawa ia bukan mudah. Kerana Pas Khas boleh diperolehi tetapi untuk dapat Permit Kerja sementara bukan secara automatik dan kita perlu berjuang untuk itu.

Pekerja ini balik ke hostel mereka. Selepas 1 hari mereka telefon saya dan beritahu bahawa 24 orang ambil keputusan untuk balik kerana tak berani lawan majikan. Dan bakinya 9 orang telah melarikan diri untuk terus bekerja di Malaysia sebagai PATI.

Inilah puncanya sebahagian besar daripada PATI di negara kita. Mereka datang sebagai pekerja asing dengan pas kerja – secara yang sah. Tetapi oleh kerana mereka dibuli dan tidak dibayar seperti dijanjikan, dan oleh kerana mereka tidak ada ruang untuk menuntut secara elok, mereka terpaksa menjadi PATI. Kerana tidak berani balik ke negara asal tanpa membayar balik hutang yang mereka ada.

Ini bukan sahaja isu kebajikan pekerja asing, Tuan Speaker. Saya dan parti saya PSM, sering dikritik di dalam internet. Mereka anggap kami sebagai terlalu sayang dan bersimpati terhadap pekerja asing. Hakikatnya adalah kehadiran 3.5 juta PATI sedang menekan ekonomi B40 rakyat kita. Walaupun wujudnya polisi gaji minima, ramai di kalangan B40 tidak mendapat manfaat daripada polisi ini. Kerana kehadiran sekumpulan pekerja asing yang tertindas hingga rela bekerja dengan gaji lebih rendah memiskinkan rakyat kita kerana rakyat kita juga terpaksa kerja untuk gaji rendah jika mahu dapatkan

pekerjaan.

Jadi, ada kaitan yang rapi antara penindasan kaum pekerja asing dan nasib rakyat kita di golongan B40. Tetapi malangnya Belanjawan ini langsung tidak gariskan strategi untuk kendalikan masalah ini yang menjejaskan situasi ekonomi B40 kita.

Ada 2 perkara yang boleh dilakukan untuk membendung masalah PATI -

1. Buka ruang untuk pekerja asing membawa aduan mereka terhadap majikan ke Mahkamah Buruh.

Sekarang jika ikut undang-undang memang boleh, tetapi, Pas Khas pun bukan mudah didapati. Pihak Imigresen biasanya meminta untuk lihat tarikh kes di Mahkamah Buruh ataupun Perusahaan sebelum mengeluarkan Pas Khas. Tetapi tarikh di Mahkamah Perindustrian hanya ditetapkan selepas proses konsiliasi dan selepas rujukan ke Menteri untuk izin kemukakan kes ke Mahkamah Perindustrian. Proses ini akan ambil masa 3 bulan ataupun lebih. Dalam jangka masa itu, pekerja asing berkenaan adalah berstatus “haram” kerana majikan telah potong Permit Kerjanya.

Proses mendapatkan Pas Khas itu mesti dipermudahkan. Jika dapat pengesahan daripada IR ataupun Pejabat Buruh bahawa pekerja asing itu telah menfailkan aduan terhadap majikan, Imigresen harus mengeluarkan Pas Khas dengan segera.

Satu isu lagi yang berkaitan - pada takat ini Pas Khas tidak memberi izin untuk berkerja. Kebanyakan pekerja asing yang menfailkan kes terhadap majikannya akan dibuang kerja dan diusir keluar daripada hostelnnya. Dia akan duduk di mana dan makan apa? Oleh itu pekerja asing yang dibuang kerja, ***harus diberi permit kerja sementara dengan majikan lain sehingga kesnya*** terhadap majikan asal dapat diselesaikan. Jika ruang ini dibuka ia akan kurangkan kecenderungan mereka menjadi PATI.

2. Langkah kedua yang harus dilakukan untuk kendalikan masalah terlalu ramai PATI adalah untuk **kenakan hukuman yang lebih berat terhadap majikan yang mengambil PATI** sebagai pekerja. Tuan Speaker, pada takat ini lebih kurang 3.5 juta orang PATI berada di Malaysia. Sudah tentu mereka tidak duduk goyang kaki ataupun mereka makan atas bantuan kebajikan yang dihulurkan oleh rakyat Malaysia. Mereka menetap di negara ini kerana ada beribu-ribu majikan yang berminat mengambil mereka sebagai pekerja kerana mereka merupakan buruh yang murah.

Kita ada undang-undang Tuan Speaker untuk mengawal situasi ini. Seksyen 55(B) Akta Imigresen di bawah Subseksyen (3) mengatakan sesiapa majikan yang menggaji lebih daripada 5 orang pekerja asing tanpa izin harus dipenjarakan selama 6 bulan. Ini hukuman mandatori. Tetapi kita jarang dengar kes di mana pengurus syarikat atau ejen pekerja dipenjarakan atas kesalahan ini. Seramai 3.5 juta pekerja asing tanpa izin. Tiada seorang majikan pun yang dipenjarakan!

Sekarang ini kita beri hukuman yang berat kepada PATI sendiri. Dipenjarakan, disebat, dan selepas itu dihantar balik ke negara asal. Tetapi bos tidak dilayan sebegitu. Jika kita mahu kawal isu kehadiran PATI kita harus bertindak lebih serius terhadap majikan yang mengambil pekerja asing.

Benarkan saya kembali ke Kajian saya di kawasan desa Sg Siput. Hampir $\frac{1}{4}$ daripada lelaki yang ditinjau adalah pekebun kecil. Pendapatan mereka rendah kerana 2 perkara

- Harga getah rendah
- Saiz kebun yang ditoreh adalah kecil. 89% daripada mereka yang dikaji, menoreh kebun yang 3 ekar atau ke bawah. Ramai antara mereka hanya menoreh selang hari kerana hasil susu getah rendah jika ditoreh setiap hari.

Ini bermakna *wujudnya pengangguran tersembunyi* ataupun “under employment” di kalangan masyarakat luar bandar. Jika 50% daripada penoreh getah dapat cari kerja lain umpamanya di kilang, yang tertinggal boleh menoreh di atas tanah yang lebih luas dan pendapatan mereka akan meningkat.

Bukan sahaja penoreh getah yang memerlukan kerja sampingan. Mereka yang buat “kerja kampung” pun tidak dapat bekerja setiap hari. 15% daripada lelaki yang dikaji buat kerja kampung. Hanya dapat bekerja 2 hingga 4 hari setiap minggu. Jadi **40% daripada lelaki di kawasan desa Sg Siput tidak dapat bekerja sepenuh masa**. Mereka perlukan kerja tambahan.

Tiada kekurangan kerja di kawasan Sg Siput Tuan Speaker. Pada takat ini beratus-ratus pekerja asing sedang bekerja di ladang-ladang di Sg Siput. Di kawasan Kanthan yang terletak 1 km dari sempadan Sg Siput ada beribu-ribu pekerja asing yang bekerja di kilang-kilang di situ. Kenapa orang kampung Sg Siput tidak boleh cari kerja di kawasan perkilangan di Kanthan? Jangan beranggapan orang kampung malas bekerja!

Hakikatnya adalah, ***para majikan lebih suka mengambil pekerja asing daripada ambil pekerja tempatan***. Walaupun majikan berpura-pura menawarkan kerja kepada rakyat tempatan, majikan lebih berminat dengan pekerja asing. Benarkan saya menjelaskan mengapa.

Dalam kajian saya, saya telah temuduga seorang lelaki berumur 30 tahun yang baru berhenti kerja di kilang. Dia dulu bekerja di kilang Isolite di Ipoh. Di kilang ini, majikan mendapatkan pekerja melalui Kontraktor Buruh. Kontraktor ini membayar gaji minima sebanyak RM 900 sebulan. Tetapi dia bayar OT dengan kadar 1.0 sahaja.

Kadar gaji adalah RM 4.33 sejam untuk kerja biasa. Angka ini adalah

daripada gaji bulanan sebanyak RM 900 dibahagi 26 hari dan oleh 8 jam untuk memberi kadar gaji sejam. Mengikut undang-undang buruh, kadar OT (kerja lebih masa) adalah 1.5 kali gaji sejam kerja biasa iaitu RM6.49. Tetapi subkontraktor ini hanya bayar dengan kadar 1.0 ataupun RM 4.33 sahaja.

Apabila pekerja ini menghadap majikan dan meminta kadar OT yang sepatutnya, dia dimarahi. Bos memberitahunya- *“Kamu mahu kerja, kerja, tetapi jika tak suka, kamu boleh pergi. Saya tidak paksa kamu. Saya ada pekerja asing yang sedia bekerja.”* Dan selepas itu pekerja ini tidak ditawarkan kerja lebih masa. Pekerja ini berasa dihina dan telah berhenti.

Inilah realiti yang dihadapi oleh pekerja kita. ***Pekerja kita memang lemah dalam perundingan dengan majikan kerana majikan tidak bergantung pada tenaga kerja pekerja tempatan.*** Ramai majikan di Malaysia lebih suka mendapatkan pekerja asing, kerana penjimatan wang. Pekerja asing takut mengadu bila gaji OT dibayar dengan kadar gaji biasa.

Lagipun, ***tak perlu membayar KWSP untuk pekerja asing.*** Untuk pekerja tempatan dengan gaji sebanyak RM 900 sebulan, syer caruman KWSP yang ditanggung oleh majikan adalah 13% daripada gaji ataupun RM 117 tiap bulan. Untuk pekerja asing, memang ada bayaran levi. Tetapi ramai majikan memotong RM 100 sebulan atau lebih daripada gaji pekerja asing untuk bayaran levi.

Jadi penjimatan besar untuk sesuatu majikan jika nisbah pekerja asing lebih besar daripada pekerja tempatan. Inilah realitinya. Oleh itu, majikan cenderung untuk menghalau pekerja tempatan dan ambil pekerja asing. ***Mereka terpaksa berpura-pura menawarkan kerja kepada rakyat kita daripada golongan B40. Tetapi dia cuba sedaya upaya untuk menghalau mereka*** dengan memeras mereka, tidak memberi OT kepada mereka dan dengan sikap angkuh dan kurang sopan terhadap mereka.

Iniilah sebab utama kadar pengangguran tersembunyi begitu tinggi di kalangan orang kampung di Sg Siput dan juga di kawasan-kawasan luar bandar lain di Malaysia

Iniilah satu perkara yang tidak ditangani dalam belanjawan terkini. Kewujudan pengangguran tersembunyi di kalangan B40 masyarakat kita bukan sahaja tidak ditangani, Tuan Speaker, ***masalah ini tidak diakui oleh kerajaan kita***. Dalam pembentangan belanjawan pada 23/10, Pekan telah dengan bangganya mengatakan bahawa kadar pengangguran adalah hanya 2.9% sahaja.

Marilah kita kaji siapa yang untung daripada kehadiran 5.5 juta pekerja asing di Malaysia (2.0 juta yang sah dan 3.5 juta PATI). Sudah jelas, peluang dapat kerja dan juga gaji B40 masyarakat kita tertekan oleh kehadiran pekerja asing. ***Yang untung adalah majikan yang dapat menjimatkan kos, ejen-ejen yang membawa masuk pekerja asing, kontraktor-kontraktor buruh yang menggaji pekerja asing dan mungkin pegawai-pegawai tinggi di imigresen dan polis***. Mereka semua dalam T20 iaitu golongan keluarga 20% terkaya di Malaysia.

Iniilah masalah dengan Belanjawan ini Tuan Speaker. Memang ada beberapa perkara yang berpihak pada golongan B40

- Gaji minima telah dinaikkan RM100.
- Bantuan kepada pekebun getah kecil dimulakan pada peringkat harga getah yang lebih tinggi.
- Jumlah BRIM dipertingkatkan.
- GST terhadap beberapa jenis ubat dimansuhkan.

Kesemua ini baik. Tetapi kesan positif langkah-langkah ini tidak dapat mengawal kesan-kesan buruk yang disebabkan oleh *situasi pasaran buruh negara kita di mana kehadiran 5.5 juta menekan B40 masyarakat kita*.

Adalah amat mengecewakan ***isu pasaran buruh yang merugikan B40 kita langsung tidak ditangani oleh Belanjawan ini***. Isu terbesar yang menjejaskan peluang bekerja dan pendapatan B40 rakyat kita tidak disentuh dalam pembentangan Perdana Menteri.

Terima kasih Tuan Speaker.

Jerebu, Karbon Dioksida dan Gajah

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

19/11/2015

Dalam Sesi Belanjawan, bajet setiap Kementerian dibuka untuk dibahas dan diluluskan. Saya telah cuba mengambil bahagian dalam tujuh buah kementerian tetapi hanya dapat berucap lima kali kerana hanya Ahli Parlimen yang dijemput oleh Speaker dapat peluang berucap.

Saya ingin mengemukakan tiga isu Tuan Pengerusi Majlis. Yang pertamanya adalah isu Jerebu yang menyeksa rakyat kita tiap tahun. Presiden Indonesia telah menyatakan keinginan kerajaannya membina satu jaringan saluran air supaya dapat meningkatkan semula paras air di dalam tanah untuk memastikan lapisan gambut tidak jadi terlalu kering pada musim kemarau. Sudah tentu ini akan memerlukan perbelanjaan yang besar kerana berjuta-juta ekar harus dikendalikan. Saya ingin mengesyorkan kerajaan kita juga membantu dalam kewangan untuk melaksanakan projek meningkatkan paras air dalam tanah.

Isu kedua adalah pemanasan dunia dan pelepasan karbon dioksida ke udara. Adakah kerajaan Malaysia menerima laporan Jawatankuasa Alam Sekitar di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyatakan bahawa jika kita mahu menyekat kenaikan suhu dunia ke hanya 2 darjah Celsius, manusia harus mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke udara ke paras 42 bilion tan setahun sebelum tahun 2030. Pengeluaran karbon dioksida untuk tahun 2014 adalah 53 bilion tan.

Sekarang kaedah yang digunapakai adalah INDC ataupun *“Intended Nationally Determined Contribution”* di mana setiap negara menentukan berapa banyak pelepasan karbon dioksida yang negara itu bercadang untuk kurangkan. Apakah komitmen Malaysia terhadap INDC? Adakah Malaysia telah buat keputusan untuk hentikan penjaan kuasa elektrik dari batu arang? Itu adalah corak penjaan kuasa elektrik yang paling banyak mengeluarkan karbon dioksida.

dioksida.

Apakah strategi yang akan digunapakai di Persidangan Alam Sekitar di Paris awal bulan depan? Saya harap Malaysia akan terus menyertai LMDC yang bermakna *“Like Minded Developing Countries”* untuk mencapai satu persetujuan yang adil untuk negara-negara yang sedang membangun di Afrika dan di Asia.

Akhir sekali saya ingin menyentuh isu pencerobohan gajah ke kampung-kampung di desa. Ini berlaku di Sg Siput dari masa ke masa. Tetapi Tuan Pengerusi saya juga bersimpati dengan gajah. Manusia sedang terus mencerobohi habitat gajah. Tahun demi tahun kita membalak hutannya. Dari Kedah, Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Gajah nak pergi ke mana? Saya rasa sudah sampai masa kita hentikan pembalakan hutan asal. Kita perlu satu moratorium. Hutan asal yang masih ada mesti dikekalkan.

Masalahnya Tuan Pengerusi adalah bahawa pembalakan merupakan punca kewangan yang penting untuk kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, bolehkah kita wujudkan satu geran baru di mana kerajaan persekutuan memberi sumbangan wang setiap tahun kepada negeri-negeri berdasarkan keluasan hutan asal yang tidak dibalak di negeri itu? Jadi hutan boleh jadi sumber pendapatan untuk kerajaan negeri tanpa amalan membalak. Saya harap idea ini dapat dipertimbangkan dan diamalkan.

Terima kasih.

Pastikan Bantuan Sampai Ke Sasaran

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 19/11/2015

Terima kasih Tuan Pengerusi. Poin pertama saya adalah di bawah Butiran 010200. Perancangan. Usaha merancang harus berfokuskan pada 2 isu.

- Cara meningkatkan pendapatan golongan pesawah dan petani kerana mereka merupakan golongan yang miskin.
- Jaminan bekalan makanan untuk rakyat kita ataupun “*Food Security*”. Pada takat ini taraf sara diri kita ataupun “*self-sufficiency*” tidak memuaskan. Hanya 70% untuk beras dan sayur-sayuran, 20% sahaja untuk daging lembu dan kambing dan di bawah 20% untuk susu.

Saya risau kerana peruntukan Kementerian Pertanian untuk perbelanjaan mengurus telah dikurangkan daripada RM 3.5 bilion pada tahun 2015 ke RM 2.7 bilion pada tahun 2016. Ini adalah penurunan sebanyak 18.6%. Peruntukan yang telah dikurangkan harus digunapakai secara yang lebih berkesan untuk mencapai matlamat membantu kaum petani kita.

Saya ingin merujuk kepada bantuan khas untuk sektor padi

130400. Subsidi harga padi – RM 400 juta untuk sepanjang tahun 2016.

130500. Subsidi baja padi – RM 400 juta.

130707. Insentif pengeluaran padi – RM 500 juta.

Jumlah peruntukan untuk sektor padi adalah RM 1.3 bilion dan ini merupakan 30% daripada jumlah peruntukan mengurus Kementerian Pertanian untuk 2016. Saya sokong peruntukan ini kerana 300,000 pesawah padi di negara kita adalah antara yang termiskin di Malaysia, dan mereka mengeluarkan satu bahan makanan asas.

Tetapi adakah peruntukan sebesar ini sampai ke sasarannya ataupun telah dirampas oleh pihak-pihak tengah? Antara pihak tengah adalah

- Pegawai-pegawai kerajaan yang melaksanakan projek dan skim tertentu.
- Syarikat-syarikat swasta yang memainkan peranan dalam membekalkan baja, benih dan ubat serangga.
- Pengerusi dan ahli jawatankuasa Persatuan Petani di peringkat akar umbi.

Adakah Kementerian pernah melaksanakan kajian untuk memastikan peruntukan-peruntukan untuk membantu petani digunakan secara yang berkesan? Peruntukan sebanyak RM 1.3 bilion jika dibahagikan kepada 300,000 pesawah padi adalah RM4333 seorang pesawah setahun. Ini merupakan RM 450 sebulan. Adakah ia sampai ke sasaran?

Bolehkah Kementerian mengamalkan sistem “ombudsman” di mana satu talian terus diwujudkan supaya pesawah biasa boleh mengadu terhadap kualiti baja dan ubat serangga ataupun jika bantuan tidak sampai kepada mereka. Sistem ombudsman ini harus ada pegawai yang mencukui untuk turun ke padang bagi menyiasat aduan-aduan.

Isu kedua yang saya ingin bawaikan adalah isu pekebun kecil yang menanam sayur, menternak lembu, kambing dan ikan di atas tanah kerajaan. Saya amat kecewa dengan pendekatan Kementerian Pertanian. Saya pernah tanya bilangan pekebun kecil yang bercucuk tanam di atas tanah kerajaan di seluruh negara. Kementerian tidak ada angka ini. Memang sebahagian besar daripada kumpulan ini tidak mempunyai geran ataupun pajak, tetapi ramai antara mereka merupakan generasi kedua ataupun ketiga yang bercucuk tanam di atas tanah kerajaan, dan mereka telahpun memohon geran tetapi gagal. Mereka keluarkan hampir dua pertiga daripada sayur-sayuran yang dijual di pasar-pasar kita.

Masalah yang pekebun sayur ini hadapi adalah ancaman daripada pembangunan. Pada takat ini di Negeri Perak, petani kecil di 24 kawasan sedang

diusir keluar oleh pembangunan. 24 kawasan dengan keluasan tanah 10,000 ekar dan lebih kurang 600 orang pekebun dan penternak.

Saya telah membawa isu ini ke Dewan sebelum ini, tetapi Kementerian Pertanian telah mengelaknya dengan mengatakan isu tanah adalah di bawah kuasa negeri. Itu betul, tetapi Kementerian harus memberi *'leadership'* ataupun kepimpinan untuk mengendalikan isu ini kerana jaminan makanan negara adalah terlibat sama.

Di kawasan saya, di lokasi Padang Tembak, 12 orang pekebun kecil sedang diusir untuk pembinaan sekolah. Saya tidak membantah pembinaan sekolah. Tetapi mengapa ambil tanah pekebun? Di Sg Siput keluasan tanah yang digunapakai oleh pekebun sayur adalah di bawah 1000 ekar, manakala tanah ladang-ladang yang dimiliki Sime Darby dan NLFCS adalah lebih daripada 20,000 ekar. Mengapa tidak guna Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil sedikit tanah estet untuk membina sekolah?

Saya harap Kementerian Pertanaian akan menggunakan Majlis Tanah Kebangsaan untuk menggubal polisi yang lebih bijak, adil dan juga inklusif supaya jaminan makanan negara kita tidak terjejas.

Terima kasih.

Kesejahteraan Rakyat Jauh Lebih Penting Daripada Kadar Peningkatan KDNK

Perbahasan Belanjawan Kementerian Perdagangan Antarabangsa 23/11/2015

Saya ingin membangkitkan beberapa isu berkaitan Perjanjian TPPA. Yang pertama adalah berkaitan **harga ubat**. MITI telah membuat kenyataan bahawa harga ubat tidak akan naik. Tetapi Presiden Amerika Barrack Obama sendiri telah memaklum bahawa memang harga ubat akan naik.

Adakah MITI sedar terhadap impak Artikel 18.52 dalam perjanjian TPPA? Artikel ini akan **melanjutkan monopoli terhadap ubat-ubat** biologik baru ke 28 tahun – 20 tahun diberi oleh kerana paten dan 8 tahun lagi atas kaedah data eksklusiviti. Adakah MITI nampak ini?

Dan kita juga ada artikel 18.37 subseksyen (2) yang menyatakan “*Each party confirms that patents are available for new uses of a known product*”. Ertinya sebuah ubat yang telah dapat paten selama 20 tahun **boleh mendapat paten kedua** untuk 20 tahun lagi jika ubat itu dapat digunakan untuk merawat satu penyakit yang lain. Syarat dalam TPPA ini akan membawa ke situasi di mana syarikat farmasi tidak akan mengumumkan semua penyakit yang boleh dirawat dengan ubat baru mereka. Mereka simpan satu atau dua penyakit sebagai “spare” untuk digunakan bagi memohon paten kedua bila telah sampai ke tahap tahun ke sembilan belas paten pertama.

Ertinya oleh kerana Artikel 18.52 dan 18.37 dalam Perjanjian TPPA, syarikat farmasi **boleh dapat monopoli selama 48 tahun** untuk ubatnya. Tuan Pengerusi, bila saya dan kawan-kawan di NGO mengatakan kos ubat-ubatan akan naik selepas TPPA ditandatangani, kita tidak berkata itu akan berlaku saat perjanjian itu ditandatangani. Kesan TPPA ke atas kos rawatan akan ambil masa untuk dilihat. TPPA akan melambatkan kemasukan ubat-ubat generik ataupun biosimilar yang boleh diperolehi dengan harga 10%

daripada kos ubat jenama asal. Oleh kerana TPPA, masyarakat kita terpaksa membeli ubat dengan harga yang 10 kali lebih tinggi untuk satu tempoh masa yang lebih panjang. Ini yang dibawa oleh kami.

Saya harap MITI boleh memberi respon untuk isu ini.

Isu kedua yang saya ingin bawakan juga di bawah Butiran 020100. Ia adalah isu **Perolehan Kerajaan** ataupun Government Procurement. Kami difahamkan bahawa mengikut TPPA, projek-projek kejuruteraan sivil yang melebihi kos RM 25 juta harus dibuka untuk pelabur asing dari negara-negara TPPA. Tetapi Malaysia telah menerima satu pengecualian ataupun “carve out” di mana hanya projek-projek berkos melebihi RM 300 juta harus dibuka untuk tender syarikat asing. Tetapi ini bukan “in perpetuity” ataupun selama-lamanya.

Apa yang kami difahamkan adalah **threshold (nilai ambang) RM 300 juta untuk Malaysia akan dikurangkan secara berperingkat dan akan sampai ke tahap RM 50 juta dalam jangka 20 tahun**. Saya harap Menteri boleh menyatakan berapa lama threshold RM 300 juta akan dikekalkan dan selepas itu ke paras apa ia akan dikurangkan, dan untuk berapa lama.

Isu ketiga yang saya ingin bangkitkan adalah di bawah Butiran 010200, Perancangan Strategik. MITI telah berjanji memberi kami laporan Cost Benefit Analysis ataupun CBA. Bilakah kita akan menerima CBA ini? Kerana kita harus membacanya untuk melengkapkan diri bagi membahas TPPA dalam bulan Januari 2016. Dan adakah CBA ini akan dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia juga?

Tuan Pengerusi, saya baru baca dalam surat khabar Star SMEBiZ pagi ini pandangan **Presiden Persatuan SME (IKS) Malaysia**, Encik Michael Kang Hua Kuong. Dia **menjangkakan bahawa 30%** daripada 650,000 SME di Malaysia akan **gulung tikar** dalam jangka masa dua tahun selepas TPPA diratifikasikan.

Adakah pihak yang menyediakan CBA mengadakan sesi dialog dengan Kesatuan SME? Kita mesti mempertimbangkan impak penggantian satu pertiga daripada SME kita oleh syarikat antarabangsa. Keuntungan SME ini yang dulu disemai kembali ke ekonomi tempatan, akan disalurkan keluar ke negara lain. Ertinya **pusingan wang dalam pasaran Malaysia akan dikurangkan** dan ini akan melemahkan pasaran domestik. Ini akan mengurangkan peluang perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil di Malaysia.

Terakhir sekali Tuan Pengerusi, 010200 Perancangan Strategik. Mungkin apa yang dikatakan MITI separuh benar. Mungkin KDNK kita akan meningkat lebih pesat sedikit jika kita tandatangani TPPA ini. Mungkin kita akan dapat bersaing dengan negara Vietnam dan mendapat lebih FDI sedikit (pelaburan asing) baru. Tetapi jika ini disertai dengan pengecutan pasaran domestik, kenaikan harga ubat, kenaikan harga buku, kebangkrapan 30% daripada peniaga kecil kita dan juga penyekatan ruang polisi kerajaan adakah ianya baik untuk negara kita pada keseluruhannya?

Katakan dengan TPPA kita boleh capai peningkatan KDNK sebanyak 6% dan tanpa TPPA hanya 5%. Tetapi peningkatan 5% ini diiringi dengan perkembangan pasaran domestik dan penambahan peluang berniaga bagi peniaga kecil, harga ubat yang lebih munasabah, bukannya lebih inklusif dan baik untuk rakyat kita.

Saya rasa kita **tidak boleh menggunakan peningkatan KDNK sebagai kriteria yang terpenting** dalam membuat keputusan samada kita mahu serati TPPA ataupun tidak. Kesejahteraan rakyat kita harus diletakan sebagai perkara yang terpenting. Saya harap isu-isu yang dibangkitkan oleh saya akan dijawab oleh Menteri.

Terima kasih.

Tangki Pembentungan Komunal, Tenaga Yang Boleh Diperbaharui

Kementerian Tenaga, Teknologi dan Air 19/11/2015

Kementerian Tenaga, Teknologi dan Air. 24/11/2015

Terima kasih Pengerusi Majlis. Isu pertama yang saya ingin bawaikan adalah di bawah B29 Butiran 040000 - Perkhidmatan Pembentungan. Di Sg Siput ada sebuah taman perumahan kos rendah, bernama Kg Sentosa yang ada 150 buah rumah. Taman ini dibina pada 1960an dan ia ada 3 tangki pembentungan untuk 150 rumah di situ. Pada permulaannya, perkhidmatan pembentungan dijaga oleh MPKK ataupun Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Tetapi selepas 1993, selepas Akta Perkhidmatan Pembentungan diluluskan, perkhidmatan ini diambilalih oleh IWK.

Setelah itu, pada tahun 2006, sistem pembentungan dirombak semula sekali lagi di mana Artikel 62 dalam Akta Industri Pembekalan Air memindahkan tanggungjawab terhadap tangki-tangki pembentungan komunal seperti di Kg Sentosa kepada penduduk taman itu juga.

Tuan Pengerusi, sejak 2006 langsung tiada penjagaan atau pembersihan terhadap sistem pembentungan di Kg Sentosa. IWK sedia buat tetapi dia dikenakan caj. Masalahnya tiada sesiapa yang mengutip duit daripada penduduk-penduduk di situ. Langsung tiada jawatankuasa penduduk di taman ini.

Saya telah melawat Pejabat IWK di Taiping yang menjaga Wilayah Utara Perak. Mengikut IWK, adanya **lebih daripada 220 taman di Perak Utara yang Menggunakan kaedah tangki pembentunagn komunal**. Bukan 220 rumah Tan Sri, 220 taman dengan antara 30 hingga 200 rumah di tiap taman. Dan di semua taman-taman ini tangki pembentungan tidak dijaga atau dibersihkan. Dan situasi ini wujud di semua negeri di Malaysia. Tuan

Pengerusi, matlamatnya *Akta Perkhidmatan Pembentungan* adalah untuk menjaga kebersihan sungai-sungai kita. Untuk mengelakkan daripada mencemarkan sungai-sungai kita. Tetapi cara tangki pembentungan komunal dikendalikan melanggar matlamat ini.

Bolehkah Kementerian tukar Akta Industri Pembekalan Air untuk memper-tanggungjawabkan Kerajaan Tempatan menjaga tangki-tangki pembentungan komunal? Kerajaan Tempatan boleh memasukkan kos ini ke dalam cukai pintu yang dikutipnya dan seterusnya membayar kepada IWK untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan sebagainya. Saya harap Menteri akan ambil berat terhadap isu ini.

Isu kedua yang saya ingin bawaan adalah di bawah P29, Butiran 00100 Program Tenaga Diperbaharui di mana RM 39.5 juta diperuntukkan. Kenapa begitu rendah? Tak sampai 4% pada jumlah peruntukan pembangunan Kementerian Tenaga, Teknologi dan Air. Apakah projek-projek yang akan dilaksanakan dengan peruntukan yang kecil ini?

Saya rasa kerajaan harus **kaji balik pendekatan menyerahkan usaha memperkembangkan penjanaan elektrik daripada sumber yang boleh diperbaharui kepada sektor swasta**. Masalah iklim dan pemanasan dunia adalah di peringkat yang serius dan mengancam kita semua. Kita harus mengurangkan pengeluaran karbon dioksida kita. Kita harus kurangkan pergantungan kita pada loji penjanaan elektrik yang menggunakan batu arang dan gas. Kerajaan harus mempelopori usaha menjana elektrik daripada solar, angin dan air pasang laut. Kerajaan harus memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha ini.

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis.

Tibi, TPPA, Perkeso dan Pembedahan Jantung

Kementerian Kesihatan 25/11/2015

Terima kasih Dato Pengerusi. Saya ingin menyentuh 4 perkara. Yang pertama adalah **masalah penyakit Tibi**. Bilangan kes telah bertambah daripada 10,000 kes pada tahun 1990 ke hampir 25,000 pada tahun 2014. Salah satu daripada sebab untuk peningkatan ini adalah kehadiran 6 juta pekerja asing dari negara-negara di mana kadar insiden Tibi adalah lebih tinggi berbanding negara kita.

Oleh itu saya terasa kecewa membaca dalam Star 26/10/2015 bahawa fi rawatan untuk orang asing akan dinaikkan 70%. Artikel yang sama telah mengatakan bahawa Kementerian Kesihatan menjangkakan bahawa RM 50 juta akan dikutip daripada pesakit asing melalui caj-caj terhadap mereka. Dato Pengerusi, kutipan levi daripada pekerja asing berjumlah RM 2 billion tahun lalu. Saya ingin mencadangkan kadar levi ditingkatkan 5%. Ini akan menjana RM100 juta dalam satu tahun. Jadi tak perlu melaksanakan caj baharu di peringkat hospital.

Saya tidak bantah pendekatan kita caj pekerja asing untuk kos rawatan mereka. Saya tidak minta mereka disubsidikan oleh rakyat Malaysia. Tetapi cara kita lakukannya adalah penting. Jangan caj mereka pada saat mereka memerlukan rawatan. Caj mereka melalui levi. Saya dulu kerja sebagai Pakar Respiratori dan kendalikan Program Kawalan Tibi untuk Perak. Cara mengawal Tibi adalah untuk mengenalpasti kes dan merawat mereka secepat mungkin. Jadi adalah penting kita tidak menakutkan ataupun menghalau pekerja asing yang datang untuk rawatan.

Saya telah membawa isu ini beberapa kali sebelum ini¹ tetapi Kementerian bersikap degil. Saya tidak faham mengapa, kerana ini bukan isu dasar, dan tidak akan membankrapkan kerajaan. Saya harap Menteri boleh beri satu jawapan yang baik².

Isu kedua adalah di bawah butiran 032200 – Farmasi dan Bekalan di mana RM 2 bilion diperuntukkan untuk ubat-ubatan bagi tahun 2016. Adakah Kementerian Kesihatan sedar bahawa TPPA akan **melanjutkan monopoli ubat berjenama** daripada 20 tahun ke 40 tahun. Ini adalah kerana Artikel 18.37, subseksyen 2 dalam TPPA. Saya baca – *Each party confirms that patents are available for inventions claimed as a new use of a known product.* (Tiap negara bersetuju memberi paten kedua (selama 20 tahun lagi) jika ubat itu dapat digunakan untuk rawat satu lagi penyakit lain.)

Menteri, yang akan berlaku adalah syarikat farmaseutikal yang memohon paten 20 tahun untuk ubat baru tidak akan melaporkan semua penyakit yang boleh dirawat oleh ubat itu. Syarikat itu akan simpan satu atau dua penyakit supaya dapat kemukakannya pada tahun ke-19 untuk pohon paten kedua untuk ubat itu. Saya harap Kementerian akan mengkaji dari segi ini.

Isu ketiga yang saya ingin mengemukakan adalah di bawah 010400 – Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan. **Kursus latihan amat perlu untuk doktor yang anggotai Jemaah Doktor Perkeso.** Dato Pengerusi, seorang pesakit yang dcederakan sewaktu kerja berhak menerima pampasan HUS ataupun Hilang Upaya Sementara di mana pekerja itu dibayar 80% jumlah gajinya selama dia diberi sijil sakit. Bila kecederaan beliau sembuh, dia akan diperiksa oleh Jemaah Doktor jika wujudnya kecacatan yang kekal akibat kemalangan itu. Kecacatan ini digelar “Hilang Upaya Kekal” dan pekerja itu dibayar pampasan mengikut kadar kehilangan upayanya. Jemaah Doktor jika wujudnya kecacatan yang kekal akibat kemalangan itu. Kecacatan ini digelar “Hilang Upaya Kekal” dan pekerja itu dibayar pampasan mengikut kadar kehilangan upayanya.

Saya dapat satu kes di Sg Siput. Jari Puan Saraswathy a/p Arumugam telah dcederakan dalam kemalangan pada bulan September 2014. Pada 29/7/2015 beliau mengalami “*refashioning of stump*”. Tetapi pada 30/7/2015 beliau diperiksa oleh Jemaah Doktor Perkeso di Kuala Kangsar,

dan kadar HUKnya ditetapkan sebagai 2%. Apa yang tidak disedari oleh doktor-doktor di Jemaah Doktor adalah apabila HUK ditetapkan, bayaran HUS akan dihentikan. Kerana pekerja hanya harus dirujuk untuk menafsirkan HUK selepas semua rawatan dan pemulihannya telah diselesaikan. Oleh kerana HUKnya diluluskan, HUS Puan Saras tidak boleh dibayar walaupun dia diberi sijil cuti sakit selepas pembedahan "*refashioning of stump*".

Isu terakhir adalah rawatan kardiothorasik, butiran 032400. Apakah yang telah berlaku dengan perjanjian menghantar pesakit kanak-kanak **untuk pembedahan jantung ke Hospital Narayana Hrudayalaya di Bangalore?** Saya difahamkan persetujuan dicapai pada 2008 tetapi untuk 5 tahun yang lalu tiada kes yang dihantar. Tetapi pada masa yang sama, ada senarai menunggu yang panjang di negara kita untuk kanak-kanak yang memerlukan pembedahan. Bolehkah Menteri menjelaskan situasi ini?

Terima kasih.

Nota

1. Saya telah membawa isu ini pada sesi parlimen pertama tahun 2015. Oleh kerana tidak dapat sebarang respon daripada Kementerian Kesihatan saya telah menfailkan kes Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Jln Duta, KL pada bulan Julai 2015. Tetapi Hakim menolak permohonan saya untuk izin ("Leave") dengan memutuskan saya tiada "lokus standi" membawa kes ini kerana tidak mengalami sebarang kerugian daripada keputusan kerajaan ini.
2. Menteri Kesihatan tidak menjawab isu ini apabila beliau menggulung perbahasan terhadap belanjawan Kementerian Kesihatan.

Seksyen B

**Usul dan Pindaan
terhadap Rang
Undang-undang**

Wujudnya ruang dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk sesiapa Wakil Rakyat mengemukakan Pindaan terhadap mana-mana Rang Undang-Undang yang sedia ada. Peraturan Mesyuarat 49(1) boleh digunapakai untuk mencadangkan suatu Rang Undang-Undang Ahli Persendirian (RUU Persendirian). Tetapi ini jalan sukar dan berliku-liku. Speaker berkuasa membuang Usul Persendirian seperti ini dalam kamar. Jika dibiarkan oleh Speaker dan diletakkan pada Agenda Dewan Rakyat, ia hanya dapat dibahas sekiranya segala urusan kerajaan untuk hari itu diselesaikan. Ini jarang berlaku.

Suatu jalan yang lebih mudah untuk mencadangkan pindaan tambahan terhadap Rang Undang-Undang yang dibawa oleh pihak Kerajaan ke Dewan Rakyat untuk Pindaan tertentu. Seorang Ahli Parlimen boleh menumpang atas usaha ini dan cadangkan Pindaan yang dia ingini.

Saya telah mencuba kaedah RUU Persendirian dua kali dan kaedah mengesyorkan pindaan tambahan terhadap pindaan yang diusulkan oleh kerajaan tiga kali dalam tahun 2015.

Usul Mencadangkan Pindaan pada Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957

Saya ingin mengusulkan kepada Dewan Rakyat seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini memberi kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada YB Ahli Parlimen bagi kawasan Sg Siput U untuk mencadangkan suatu Rang Undang-Undang Ahli Persendirian bernama *Rang Undang-Undang Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2015*.

Tujuan *Rang Undang-Undang Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2015* adalah untuk memudahkan proses mendaftarkan nama bapa kandung dalam sijil kelahiran kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah. Biasanya kanak-kanak seperti ini adalah daripada golongan miskin dan ketiadaan nama bapa dalam sijil kelahiran mereka menyebabkan beberapa masalah kepada mereka termasuk

- Perasaan malu bila mendaftar di sekolah kerana adalah terang daripada dokumen sijil kelahiran bahawa mereka lahir di luar nikah;
- Masalah dalam mendapatkan kewarganegaraan jika ibu mereka juga tidak mempunyai dokumen sijil kelahiran.

Pada takat ini Seksyen 13 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 memberi ruang kepada pasangan bukan Islam untuk memasukkan nama bapa kandung ke dalam sijil kelahiran anaknya tetapi mewajibkan kehadiran kedua-dua ibu dan bapa anak yang terlibat. Masalahnya adalah, wujudnya situasi di mana ibu bapa telah berpisah dan anak mereka dijaga oleh bapa, dan ibu tidak dapat dihubungi ataupun tidak mahu bekerjasama, ataupun sudah meninggal dunia. Dalam situasi seperti ini, nama bapa tidak dapat dimasukkan ke dalam sijil lahir anaknya walaupun bapa itu sedia hadir ke Jabatan Pendaftaran dengan anaknya.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti berikut:

- (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2015.
- (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta.

Pindaan seksyen 13

2. Akta ini dipinda dalam Seksyen 13 dengan memasukkan di bawah perenggan yang sedia ada, perenggan baru yang menyatakan seperti berikut –

Di dalam situasi di mana ibu kandung ataupun bapa kandung ataupun kedua-duanya tidak dapat hadir ke Jabatan Pendaftaran, keputusan ujian DNA boleh digunapakai untuk memasukkan butiran bapa kandung ke dalam Daftar Kelahiran sebagai bapa pada anak tidak sah taraf.

Usul mencadangkan Pindaan ini ditolak dalam kamar Speaker Dewan Rakyat dengan alasan Pindaan ini menyentuh hak-hak kewarganegaraan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Terhadap Akta Antipemerdagangan Orang

Kerajaan kita telah menggubal satu akta bertajuk "Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran" pada tahun 2007 yang peruntukkan mangsa pemerdagangan diberi perlindungan oleh kerajaan selepas mereka diselamatkan daripada sindiket pemerdagangan.

Tahun ini (2015) kerajaan telah membawa satu pindaan terhadap akta ini untuk memberi hak kepada mangsa yang dalam perlindungan kerajaan untuk bekerja sementara menunggu siasatan dan juga kes terhadap pihak penyeludup itu diselesaikan. Ini adalah satu pindaan yang memantapkan akta ini dan disokong oleh beberapa kumpulan NGO yang aktif dalam bidang ini.

Tetapi akta ini masih mengandungi satu kelemahan yang besar kerana tidak menafsirkan golongan "orang pelarian" sebagai satu kategori yang berasingan dengan ciri-ciri istimewa tetapi menggabungkan golongan ini dengan golongan PATI ataupun Pendatang Asing Tanpa Izin.

Pindaan saya yang bertujuan memantapkan lagi Akta ini dengan mengiktirafkan kategori "orang Pelarian". Pindaan ini berbunyi seperti berikut:

Sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 55 (3) dan 57(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat saya ingin mengemukakan beberapa pindaan terhadap DR 18/2015. Pindaan-pindaan yang saya ingin bantangkan adalah -

Fasal 2: Pindaan seksyen 2

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "negara transit" takrif "orang pelarian" seperti berikut:

"Orang Pelarian" ertinya sesiapa orang yang, oleh kerana ketakutan yang diasaskan pada situasi sebenar bahawa wujudnya kemungkinan beliau akan dizalimi oleh kerana kaum etniknya, agamanya, kumpulan sosialnya ataupun pegangan politiknya adalah diluar negara asalnya dan enggan kembali ke negara itu.

Fasal 13: Pindaan pada Seksyen 54

Akta Antipermedagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dipinda dalam seksyen 54 dengan memasukkan perenggan baru 54(1)(c) selepas perenggan 54(1)(b) seperti berikut:

"(c) dalam hal orang yang diperdagangkan mengatakan beliau merupakan seorang pelarian, bekerjasama dengan pihak UNHCR untuk menyiasat kebenaran kenyataan orang itu. Semasa siasatan ini dilaksanakan, orang itu harus diberi dokumen yang membolehkan beliau bekerja secara sah."

Malangnya, seperti biasa, syor-syor dari ahli pembangkang ditolak begitu sahaja, dan pindaan tambahan yang saya syorkan ditolak dalam undi di Dewan Rakyat.

Usul Mencadangkan Pindaan Pada Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

Memandangkan pekebun sayur dan penternak kecil di merata negara kita sentiasa menghadapi masalah pengusiran oleh pihak Pejabat-Pejabat Tanah atas alasan “pembangunan” saya telah mencuba mewujudkan perlindungan yang lebih baik untuk mereka di bawah Kanun Tanah Negara. Petikan daripada usaha ini adalah –

Saya ingin mengusulkan kepada Dewan Rakyat seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini memberi kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada YB Ahli Parlimen bagi kawasan Sg Siput U untuk mencadangkan suatu Rang Undang-Undang Ahli Persendirian bernama *Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2015*”

Tujuan *Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2015* adalah untuk menangani fenomena pengusiran petani-petani kecil yang bercucuk tanam di atas tanah kerajaan. Fenomena ini sedang berleluasa di seluruh negara kita dan membawa beberapa impak negatif antaranya -

1. Kehilangan punca rezeki beratus-ratus petani kecil tiap tahun;
2. Mengurangkan tahap sara diri negara kita dalam penghasilan sayur-sayuran, buah-buahan, dan hasil ternakan kambing, lembu dan ikan;
3. Menyekat semangat petani kecil melabur untuk meningkatkan pengeluaran mereka kerana mereka tidak yakin terhadap tanah yang mereka sedang usahakan;
4. Meningkatkan risiko banjir kilat di kawasan hilir pada kawasan pertanian yang dibangunkan sebagai kawasan perkilangan ataupun perumahan.

Pindaan yang dicadangkan meminjam kaedah yang digunapakai

Pindaan yang dicadangkan meminjam kaedah yang digunapakai dalam seksyen 214A dengan pengubahsuaian tertentu untuk mewujudkan satu sistem semak dan imbang (check and balance) dalam proses pelupusan (alienation) tanah kerajaan jika tanah itu diusahakan oleh petani ataupun penternak kecil.

Saya cukup sedar terhadap Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan di mana tanah adalah disenaraikan di bawah senarai negeri. Kuasa negeri ke atas hal tanah tidak dicerobohi oleh pindaan yang disyorkan kerana Lembaga Tanah Pertanian yang akan diwujudkan oleh RUU ini adalah di peringkat tiap negeri seperti Lembaga Ladang yang diwujudkan dalam pindaan 1969.

Oleh yang demikian, saya selaku Ahli Parlimen Sg Siput U menyerahkan bersama-sama surat ini naskah Draf Undang-Undang *Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2015* dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris selaras dengan Peraturan Mesyuarat 49(2) untuk dikemukakan di dalam sidang Dewan Rakyat yang akan bermula pada 18hb Mei 2015. Saya sudah mengenalpasti beberapa orang Ahli Dewan Rakyat yang rela menyokong Usul ini seperti diwajibkan di bawah peraturan 31(1). Saya harap RUU Pindaan ini akan disenaraikan dalam agenda Dewan Rakyat sesi kedua untuk tahun 2015. Terima kasih.

Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965

Pindaan Bahagian Empat Belas

Akta ibu dipinda dalam Bahagian Empat Belas dengan memasukkan seksyen baharu, 214B selepas seksyen 214A seperti berikut –

Seksyen 214B. Kawalan pelupusan tanah kerajaan yang diusahakan oleh petani kecil.

- (1) Walau apa jua pun yang terkandung dalam Akta ini, tiada tanah kerajaan yang sedang diusahakan untuk tujuan pertanian berupaya dilupuskan ataupun dipajak dengan apa-apa cara sekali pun, melainkan kelulusan untuk pelupusan atau pemberian pajakan sedemikian telah terlebih dahulu diperolehi dari Lembaga Tanah Pertanian yang ditubuhkan di bawah subseksyen (3).
- (2) Pendaftar hendaklah tidak mendaftar apa-apa instrumen hakmilik tanah melainkan instrumen sedemikian disertai dengan satu sijil kelulusan yang diberi oleh Lembaga Tanah Pertanian.
- (3) Untuk maksud seksyen ini, maka hendaklah ditubuhkan di tiap Negeri dalam Persekutuan Malaysia, suatu Lembaga Tanah Pertanian yang terdiri dari –
 - a) Setiausaha Negeri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
 - aa) Pengarah Tanah dan Galian Negeri yang hendaklah jadi Setiausaha;
 - b) Seorang yang dilantik oleh Menteri Pertanian Persekutuan;
 - c) Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri daripada pihak kerajaan;
 - d) Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih oleh pihak pembangkang;
 - e) Dua orang wakil dipilih oleh persatuan-persatuan petani dan penternak di negeri itu.

Ahli Lembaga yang dinyatakan dalam (b) hingga (e) boleh ditukar setiap tahun.

- (4) Lembaga Tanah Pertanian harus bermesyuarat sekali setiap bulan dan semua ahlinya harus dimaklum tarikh dan tempat mesyuarat bulanan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh itu. Kuorum untuk bermesyuarat adalah sekurang-kurangnya tiga orang ahli, termasuk Pengerusi Lembaga.
- (5) Pentadbir Tanah yang menguruskan pelupusan tanah kerajaan kepada mana-mana pihak dikehendaki memohon kelulusan Lembaga Tanah Pertanian dengan mengemukakan butir-butir seperti berikut
 - a) Bilangan petani dan penternak yang sedang menjalankan aktiviti pertanian ataupun penternakan di atas tanah itu.
 - b) Bilangan petani dan penternak yang telah menjalankan aktiviti pertanian ataupun penternakan di atas tanah itu dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh permohonan.
 - c) Keluasan kawasan yang digunapakai oleh setiap petani dan penternak, dan jenis dan jumlah hasil mereka dalam dua tahun yang lalu.
 - d) Cadangan Pentadbir Tanah terhadap tanah gantian ataupun pampasan untuk petani dan penternak yang terlibat.
- (6) Jika langsung tiada petani dan penternak di atas tanah itu, fakta ini harus dimaklumkan kepada Lembaga Tanah Pertanian oleh Pentadbir Tanah yang menguruskan pelupusan tanah itu.
- (7) Lembaga Tanah Pertanian boleh, jika difikirkan sesuai, memanggil mana-mana orang untuk memberi apa-apa kenyataan di hadapannya atau mengemukakan apa-apa dokumen untuk diperiksa olehnya.
- (8) Lembaga Tanah Pertanian boleh meluluskan permohonan Pentadbir Tanah dengan mengenakan syarat-syarat berkaitan pengendalian petani atau penternak yang mengusahakan tanah itu.

- (9) Lembaga Tanah Pertanian boleh menolak apa-apa permohonan untuk pelupusan tanah kerajaan ataupun pemberian pajak terhadapnya jika –
- a) ia berpuas hati bahawa apa-apa kenyataan yang dibuat dalam permohonan itu adalah palsu atau salah; atau
 - b) pentadbir tanah belum mematuhi apa-apa syarat yang disyorkan oleh Lembaga Tanah Pertanian terhadap pengendalian petani dan penternak yang mengusahakan tanah itu; atau
 - c) ia didapati olehnya bahawa kelulusan permohonan itu bukan bagi kepentingan awam kerana akan menjejaskan tahap sara diri bekalan pemakanan negara dan/atau kerana petani dan penternak terlibat tidak ditawarkan tanah gantian yang sesuai untuk aktiviti pertanian atau penternakan mereka.
- (10) Keputusan Lembaga Tanah Pertanian hendaklah mengikut undi majoriti; dan dalam keadaan *kesamaan* undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.
- (11) Lembaga Tanah Pertanian harus, dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang kedua untuk tiap tahun, membentangkan laporan terhadap permohonan-permohonan pelupusan tanah yang diterimanya dalam tahun lalu, keputusan-keputusan yang telah diambil dengan memberi butiran bilangan petani dan penternak yang terlibat dan caranya mereka dikendalikan.

Usul ini ditolak oleh Speaker Dewan Rakyat. Sebab yang diberi oleh Speaker adalah pentadbiran tanah adalah kuasa mutlak Kerajaan-Kerajaan Negeri dan mengikut Perlembagaan Persekutuan, Dewan Rakyat tidak boleh campur tangan dalam urusan tanah.

Pindaan Terhadap Akta Perhubungan Perusahaan 1967

1/4/2015

Sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 55(3) dan 57(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat saya ingin mengemukakan satu pindaan tambahan pada DR 26/2014. Pindaan yang saya ingin bantangkan adalah untuk menyertakan satu subseksyen baru iaitu 56(5) selepas poin 4 dalam Rang Undang-Undang 26/2014 seperti berikut -

Pindaan seksyen 56

5. Subseksyen baru 56(5) dimasukkan selepas subseksyen 56(4) yang berbunyi –

56(5) Tanggungan bersama dan berasingan bagi pengarah

Jika apa-apa pampasan kepada para pekerja yang diputuskan dalam Mahkamah Buruh ataupun Mahkamah Perusahaan tidak dibayar oleh sesuatu syarikat atau firma kerana apa jua sebab termasuk kemuflian syarikat atau firma itu maka, walau apa pun yang berlawanan dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, pengarah-pengarah syarikat itu termasuklah mana-mana orang yang pernah menjadi pengarah syarikat itu dalam masa tempoh dua tahun sebelum permulaan tindakan mahkamah berkaitan kemuflian syarikat atau firma itu, adalah, bersama syarikat atau firma itu yang bertanggung membayar pampasan tersebut, bersama-sama dan berasingan bertanggung membayar pampasan itu kepada para pekerja.

Pindaan ini diterima untuk dibahas. Ucapan saya adalah seperti berikut -

Terima kasih Dato Pengerusi

Tujuan saya dalam membawa subseksyen baru 56(5) seperti ditulis dalam kertas pindaan, adalah untuk memberi perlindungan yang lebih lengkap kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja. Pada masa ini seorang pekerja yang dibuang kerja harus dibayar pampasan 20 hari gaji untuk setiap tahun dia kerja jika berkhidmat lebih daripada 5 tahun. Jika majikan tidak bayar, pekerja boleh menghadapkan majikannya ke Mahkamah Buruh atau Mahkamah Perusahaan.

Masalahnya adalah pada masa ini, ada beberapa majikan yang bersembunyi di belakang Akta Syarikat yang hadkan liabiliti syarikat pada harta milikan syarikat itu dengan alasan syarikat sudah muflis.

Saya ingin memberi contoh. Paycom, satu syarikat telekomunikasi, subsidiari pada Time Dot Com telah hentikan 540 pekerja pada tahun 2010. Pekerja ini telah diberi pampasan sebanyak RM 5 juta tetapi ini hanya kemenangan atas kertas sahaja. Sampai sekarang pekerja Paycom belum terima sebarang bayaran daripada majikannya.

Sama dengan Syarikat Nikko di Pulau Pinang di mana pada tahun 2008, lebih daripada 1000 pekerja tiba-tiba dilockout (disekat masuk). Walaupun mereka telah pergi ke Mahkamah Perusahaan dan dapat penghakiman, mereka masih belum menerima satu sen pampasan sampai sekarang.

Ini adalah modus operandi beberapa syarikat. Mereka mengeluarkan aset syarikat ke syarikat milikan mereka yang lain supaya apabila syarikat asal dijadikan muflis, syarikat itu tiada banyak aset. Ditinggalkan sebagai satu tin kosong (empty shell) sahaja.

Pindaan yang saya bawa sekarang adalah untuk menangani masalah ini. Bila kita mempertanggungjawabkan pengarah majikan untuk membayar pampasan kepada pekerja sekiranya syarikat sudah muflis, ini akan menjadikan pengarah lebih bertanggungjawab. Dan kes penipuan terhadap pekerja akan

dikurangkan.

Dalam membawa pindaan ini saya telah meminjam pendekatan yang telah wujud dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Klausula 46 dalam Akta KWSP menyatakan bahawa jika sebuah syarikat tidak membayar caruman KWSP dengan alasan kemuflian syarikat, harus ditanggung oleh pengarah-pengarah syarikat terlibat.

Saya tahu ada beberapa kelemahan lagi dalam Akta Perhubungan Perusahaan. Marilah kita membaiki satu daripada kelemahan ini pada hari ini. Saya harap pindaan ini diterima. Terima kasih Dato Pengerusi.

Isu ini diperbahas selama satu jam oleh beberapa orang Ahli Parlimen. Wakil Rakyat bagi Kinabatangan telah mengejutkan Dewan dengan menyokong Pindaan ini. Pada satu takat Timbalan Speaker hentikannya untuk bertanya “YB Kinabatangan menyokong Pindaan inikah?” Kinabatangan menjawab “Ini pindaan yang perlu untuk melindungi pekerja kita.” Tetapi bila sampai masa untuk undi, beliau tidak berada dalam Dewan dan pindaan ini digagalkan. Tetapi satu isu penting untuk pekerja Malaysia telahpun dikenalpasti dan dibahas.

Pindaan Terhadap Rang Undang-undang 7/2015

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2015

8/4/2015

Kerajaan telah membawa Akta SOSMA ke Parlimen untuk memperketatkannya. Saya telah cuba mengurangkan keketatannya sedikit dengan mengesyorkan Pindaan untuk membolehkan Hakim mempertimbangkan kesahihan bukti yang dikemukakan oleh pihak polis dan pendakwa. Tujuannya adalah untuk mengembalikan kuasa budi bicara kepada pihak Mahkamah. Berikut adalah Pindaan yang diusulkan –

Sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 55 (3) dan 57(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat saya ingin mengemukakan beberapa pindaan terhadap DR 7/2015. Pindaan-pindaan yang saya ingin bentangkan adalah -

Pindaan pada Fasal 6

Subseksyen 18(B) dimansuhkan.

Pindaan pada Fasal 7

Seksyen 20. Perkataan “hendaklah” diganti dengan perkataan “boleh” dan perkataan “Jika hakim berpuas hati terhadap kesahihan bukti yang dikemukakan” selepas perkataan “sebagai keterangan”.

Pindaan pada Fasal 8

Seksyen 22. Perkataan “hendaklah” harus ditukar dengan perkataan “boleh” dan perkataan “Jika hakim berpuas hati terhadap kesahihan bukti yang dikemukakan” selepas perkataan “benda itu”.

Pindaan pada Fasal 9

SubSeksyen 24 (4) dimansuh dan digantikan dengan subseksyen berikut -
“Mana-mana Mahkamah harus mengambil segala langkah untuk memastikan maklumat yang sensitif tidak dibongkar secara umum dalam usaha Mahkamah menentukan kesahihan bukti yang didapati melalui kuasa-kuasa polis di bawah Seksyen 6 Akta Ibu.”

Krisis Kemanusiaan Pelarian Rohingya Di Lautan Andaman

Saya telah cuba menggunakan Peraturan-Peraturan Mesyuarat 14(h) dan 18 untuk mencadangkan Majlis Mesyuarat ditangguh pada 4.30 petang Selasa 19hb Mei 2015 untuk merundingkan krisis kemanusiaan pelarian Rohingya. Usul yang dicadangkan adalah seperti berikut -

Memandangkan

- berpuluh ribu orang Rohingya telah dan sedang melarikan diri dari Myanmar;
- lebih kurang 8000 orang pelarian sedang belayar dalam kapal-kapal kecil dari Myanmar ke negara ASEAN yang lain;
- keengganan Negara ASEAN untuk menerima pendatang dari Myanmar sebagai orang pelarian sedang menjejaskan keselamatan dan nyawa keluarga-keluarga yang berada dalam kapal-kapal kecil yang sedang berlayar ke arah Malaysia dan Sumatra,

Dewan ini mengesyorkan

1. Pendekatan Malaysia terhadap pendatang asing dari Myanmar harus didasarkan kepada prinsip-prinsip kemanusiaan (humanitarian principles) di mana keselamatan dan kesihatan pendatang asing diberi keutamaan. Polisi menghalang mereka mendarat di Malaysia adalah pendekatan yang tidak bertanggungjawab dan memburukkan imej negara kita di arena antarabangsa.
2. Malaysia harus menganjurkan perbincangan dengan negara-negara lain di ASEAN supaya beban mengendalikan krisis kemanusiaan pelarian Myanmar dapat dipikul bersama secara yang bertanggungjawab, selaras dengan semangat solidariti antara negara-negara ASEAN.
3. Isu diskriminasi terhadap kaum Rohingya tidak boleh dianggap sebagai satu isu domestik negara Myanmar yang tidak boleh disentuh oleh

negara Myanmar yang tidak boleh disentuh oleh negara jiran kerana isu ini telah melimpah ke negara jiran dalam bentuk masalah pelarian berskala besar dan sekarang merupakan beban besar untuk negara-negara jiran. Negara-negara ASEAN harus mengadakan perbincangan dengan Myanmar untuk mewujudkan “road-map” untuk mengatasi masalah keganasan terhadap kaum Rohingya di Myanmar.

4. Pihak penguatkuasa harus menggunakan kesempatan ini untuk menyiasat secara mendalam bagaimana sindiket penyeludup manusia sedang mencari untung daripada kesengsaraan satu kaum yang menghadapi diskriminasi teruk di negara asal mereka.

Dewan ini juga mengambil keputusan untuk menubuhkan satu jawatankuasa dwipemihak untuk menemuduga beberapa daripada kumpulan pendatang yang baru mendarat di Langkawi supaya dapat menasihatkan Dewan ini samada mereka merupakan orang pelarian ataupun mereka datang ke Malaysia hanya untuk mencari kerja.

Usul ini ditolak oleh Speaker dalam kamar dengan alasan bahawa Kerajaan sedar akan masalah Pelarian Rohingya dan sedang mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Tetapi saya telah bekerja dengan beberapa orang Ahli Parlimen Pembangkang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Ahli Parlimen untuk meneliti krisis ini dan melobi Kerajaan untuk mengatasinya.

Seksyen C

- Kajian Terhadap Ekonomi Masyarakat Desa
- Surat Kepada Beberapa Orang Wakil Rakyat
- Impak Perjanjian TPPA Terhadap Buku-Buku Rujukan
- Aduan Polis Terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kajian Terhadap Ekonomi Masyarakat Desa

September 2015

Latar Belakang

Hampir 33% daripada penduduk Sg. Siput adalah masyarakat Melayu dan sebahagian besar daripada mereka menetap di 36 buah kampung di kawasan Sg Siput (U), Perak Darul Ridzuan. Ramai antara mereka menghadapi masalah kewangan. Dalam 7 tahun yang lalu, saya telah menyaksikan beberapa insiden yang membuktikan realiti ini. Umpamanya

- Ramai keluarga desa yang dipotong bekalan elektrik dan air oleh kerana tidak bayar bil;
- Beberapa orang pelajar sekolah menengah yang tercicir kerana tidak sanggup membayar tambang bas;
- Ibu bapa yang datang berjumpa saya untuk bantuan menghantar anak mereka ke kolej atau universiti kerana walaupun mereka mendapat pinjaman PTPTN, mereka memerlukan beberapa ratus ringgit untuk menyediakan anak mereka untuk hadir ke kolej;
- Keluarga-keluarga yang meminta bantuan untuk membeli beberapa keping zink untuk membaiki bumbung yang dirosakkan oleh angin ribut;
- Kes 3 orang pelajar tingkatan 3 yang direman selama 1 minggu atas tuduhan mencuri buah kelapa sawit yang ditinggalkan di atas tanah di projek Felcra. Ibu-bapa mereka tidak dapat membayar jamin sebanyak RM900 seorang. (Akhirnya saya meminjam dana untuk tujuan itu, dan selepas beberapa bulan dapat memujuk pengurus Felcra untuk tarik balik aduan beliau.)

Untuk memahami masalah pendapatan rendah di kawasan desa Sg. Siput, PSM Sg. Siput sedang menjalankan satu penyelidikan untuk mengetahui

situasi sebenar dan untuk mengenalpasti sebab-sebab utamanya. Hanya bila kita memahami situasi secara lebih mendalam, kita boleh mengaturkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

Langkah pertama yang kami ambil dalam penyelidikan kami adalah untuk mengambil tahu peluang-peluang pekerjaan yang wujud untuk kaum lelaki di antara umur 30 dan 50 tahun di kawasan desa Sg. Siput. Kami memilih kumpulan umur ini kerana majoriti antara mereka tiada anak-anak yang bekerja. Untuk keluarga yang diketuai oleh bapa berumur 30 – 50 tahun, pendapatan bapa adalah penentu terpenting bagi status ekonomi keluarga.

Kaedah yang digunapakai dalam kajian ini adalah temuduga dengan seorang atau sekumpulan orang di tiap kampung yang dipilih untuk mengetahui pekerjaan orang-orang lelaki berumur 30 hingga 50 di kampung itu. Kampung tidak dipilih secara rambang. Kami telah cuba menghubungi kontak-kontak kami di 12 buah kampung di merata kawasan Sg. Siput tetapi hanya berjaya mengadakan temuduga dengan kontak di 7 buah kampung kerana kesuntukan masa. Kampung yang terlibat adalah Felda 3B (15 keluarga), Kg Jalong (13 keluarga), Periang (43), Perlop 2&3 (14), PPMS (16), Talang Tengah (21), Kg Temin (14 keluarga). Jumlahnya 136 keluarga.

Memang kajian ini bukan penyelidikan akademik yang bertaraf tinggi. Tetapi kami rasa ianya adalah mencukupi untuk menerangkan kepada kita situasi ekonomi yang dialami oleh masyarakat desa Sg. Siput dan membuka ruang untuk kajian dan diskusi yang lebih mendalam.

Penemuan Kajian: Situasi Pekerja

75 daripada lelaki yang ditinjau bekerja untuk gaji. Ini merupakan 55.1% daripada sampel yang ditinjau. Rajah Satu mempamerkan butiran yang lebih lengkap terhadap golongan ini.

Jenis Pekerjaan	Bilangan orang
Ladang	1
Kerajaan	7
Kilang	10
Pegawai Keselamatan	9
Pencuci Sekolah	2
Untuk Syarikat IKS	9
Pemandu	9
Kebun kelapa sawit	6
Kontrak	3
Kerja Kampung	19

Rajah Satu: Butiran terhadap Orang Lelaki yang bekerja untuk upah

“Kerja kampung” adalah kumpulan yang terbesar dalam golongan pekerja. Ia merangkumi pelbagai jenis kerja termasuk menebas dan menyembur racun di kebun-kebun orang lain, membaiki atau membina rumah, mengecat rumah dan menebang pokok dengan ‘chainsaw’. Ini merupakan pekerjaan yang tidak terjamin dan pendapatannya rendah. Biasanya mereka diupah untuk sesi pagi – 8 pagi hingga 1 tengah hari dengan bayaran RM 30 satu sesi. Mereka jarang mendapat kerja untuk lebih dari 20 hari sebulan. Ini bererti pendapatan bulanan mereka adalah di bawah paras RM 600.

28 orang yang bekerja kampung, kontrak dan kebun kelapa sawit tidak dibayar caruman KWSP ataupun Perkeso. Mereka tidak mendapat perlindungan kedua-dua skim ini. Ini merupakan lebih daripada satu pertiga

daripada mereka yang berkerja untuk gaji di sampel kami dan mempunyai potensi tinggi terjejas kebajikan mereka pada masa depan.

Kebanyakan daripada pekerja ladang, kilang, pencuci sekolah, syarikat IKS dan pemandu mendapat gaji minima iaitu RM 900 sebulan. Selepas potongan KWSP 11%, gaji bersih mereka hanya RM 801. Ada antara mereka yang meminta “advance” pada pertengahan bulan. Kumpulan ini hanya akan menerima RM 600 pada hujung bulan.

Pegawai keselamatan mendapat gaji yang lebih tinggi kerana mereka bekerja 4 jam lebih masa setiap hari (harus dibayar dengan kadar gaji 1.5 kadar sejam. Kadar sejam adalah RM 35 dibahagi 8) dan juga semua hari Ahad dengan kadar gaji (2 x kadar sejam). Mereka boleh mendapat gaji sebanyak RM 1900 (sebelum potongan KWSP dan Perkeso). Tetapi kami sentiasa menerima aduan bahawa kerja lebih masa tidak dibayar dengan kadar yang betul dan tidak dicarum KWSP walaupun dipotong daripada pegawai-pegawai keselamatan di Sg. Siput.

Kakitangan kerajaan adalah kumpulan dengan jaminan kerja dan gaji yang terbaik dalam golongan “pekerja” dalam kajian kami. Adanya seorang pensyarah, 3 orang yang berkerja di Kilang Pencetakan Nasional Malaysia Berhad, seorang polis, seorang guru dan seorang juruteknik JKR.

Penemuan Kajian: Kerja Sendiri

60 orang ataupun 44% daripada orang yang terlibat dalam kajian bekerja sendiri (self employed) seperti ditunjukkan dalam Rajah Dua.

Jenis Kerja	Bilangan orang
Menoreh getah	25
Menjaga kebun kelapa sawit	5
Berniaga	18
Kerja Juruteknik	9
Menternak	3
Jumlah	60

Rajah Dua: Butiran berkaitan mereka yang Bekerja Sendiri

Penoreh getah merupakan kumpulan yang terbesar dalam golongan yang bekerja sendiri. Majoriti antara mereka (89%) menoreh kebun getah 3 ekar dan ke bawah keluasannya, dan terpaksa berkongsi pendapatan dengan tuan pemilik kebun (64%). Butiran berkaitan ini adalah dipamerkan dalam Rajah Tiga.

Keluasan Kebun	Milikan Sendiri	Kongsi 10:6 ^a	Bagi Dua ^b	
2 ekar	0	0	2	2
3 ekar	9	4	10	23
5 ekar	0	2	0	2
< 5 ekar	1	0	0	1
	10	6	12	28 ^c

Rajah Tiga: Butiran Terhadap Penoreh Getah Di Sampel Ini

Nota:

- a. 60% untuk penoreh dan 40% untuk pemilik tanah
- b. Dibahagi 50:50 antara penoreh dan pemilik

- c.. Jumlah berbeza daripada jumlah penoreh getah dalam Rajah Tiga kerana ada 3 orang penoreh dengan kerja utama yang lain iaitu seorang di kedai runcit dan dua orang yang menggunakan 'chainsaw' untuk mencari kerja kampung.

Hasil getah beku adalah lebih kurang 40kg setiap hari menoreh untuk kebun keluasan 3 ekar yang ditoreh selang hari. Dengan harga jualan RM1.80 sekilo pada setakat ini, bererti pendapatan ialah sebanyak RM 72 sehari. Mereka yang memotong untuk kebun orang lain di bawah perjanjian bahagi dua hanya mendapat RM 36 sehari dan hanya untuk 15 hari sebulan. Jumlahnya hanya RM 540 sebulan.

18 orang didapati berniaga. Empat orang daripada kumpulan ini dijangka dapat pendapatan yang melebihi RM 2000 sebulan. Butiran mereka adalah seperti berikut

- Dua kedai kopi. Satu di Felda, dan satu lagi dekat dengan Kg. Bawong (di tepi jalan utama masuk ke kawasan Orang Asli, pembalakan dan perladangan).
- Sebuah bengkel besi dengan 4 orang pekerja.
- Sebuah bengkel kereta dengan 2 orang pekerja.

Tetapi majoriti daripada perniagaan yang dijalankan dijangka memperolehi pendapatan bersih di bawah RM 1000 sebulan. Antara mereka adalah

- Gerai kopi di kampung
- Perniagaan 'top-up' di Karai
- Menjual keropok
- Menjual nasi lemak di peringkat kampung
- Menjual kek di peringkat kampung
- Kedai runcit di kampung – 3 peniaga

Ada beberapa antara mereka yang perolehi pendapatan bulanan di bawah

RM 500! Perniagaan memerlukan pasaran untuk produk yang dijual. Dalam satu masyarakat di mana 75% daripada keluarga dapat pendapatan bulanan isi rumah di bawah RM 1500 sebulan, amat sukar untuk memperolehi pendapatan yang besar jika bergantung kepada kemampuan membeli orang kampung sendiri.

Kumpulan juruteknik (9 orang) ini adalah mereka dengan kemahiran tertentu termasuk –

- Pendawaian elektrik
- kemahiran memasang bumbung rumah dan awning
- kemahiran memasang penggera rumah
- kemahiran mengecat rumah
- kemahiran memasang tingkap dan pintu.

Mereka juga menghadapi masalah dengan permintaan lembab dan pendapatan purata mereka adalah dijangka di bawah RM 1500 sebulan.

Kebun-kebun kelapa sawit yang dimiliki oleh orang-orang dalam sampel ini adalah berkeluasan 10 ekar, 8 ekar, 4 ekar dan 3 ekar (dua orang). Pemilik kebun kelapa sawit di Perlop yang memiliki 10 ekar mengatakan dia boleh mendapat 7.5 tan buah kelapa sawit setiap 3 minggu. Dengan harga jualan RM 270 setan pada setakat ini, dia mendapat RM 2000 setiap pusingan ataupun RM 6000 setiap dua bulan secara kasar. Tetapi harus membayar gaji pemotong buah (RM 40 setan), kos membeli baja dan racun. Pendapatan bersihnya adalah lebih kurang RM 2300 sebulan (jika kita tidak mengambilkira dana simpanan untuk menanam semula).

Penternak dari sampel kajian ini adalah seorang yang mengusahakan ikan keli, seorang yang menternak 80 ekor kambing untuk susu dan daging dan seorang lagi yang menternak 10 ekor lembu hanya untuk daging. . Hanya penternak kambing dijangka mendapat pendapatan melebihi RM 2000 sebulan.

Kesimpulan penemuan kajian

1. Kebanyakan daripada keluarga yang ditinjau dalam kajian kasar ini memperolehi pendapatan isi rumah di bawah paras RM 1500 sebulan. Hanya 20 keluarga ataupun 15% daripada keluarga yang ditinjau memperoleh pendapatan yang melebihi RM 2000 sebulan. Mereka adalah
 - 7 keluarga kakitangan kerajaan
 - 5 orang pegawai keselamatan yang ada isteri yang juga bekerja
 - Seorang pemilik kelapa sawit berkeluasan 10 ekar
 - Seorang penternak kambing
 - 4 orang peniaga yang telah dikenalpasti dalam huraian diatas
 - Seorang anak peneroka Felda yang usahakan kebun getah berkeluasan 8 ekar.
 - Seorang penoreh getah seperti di atas yang memiliki kebun dan yang juga membuat kerja kampung dan mempunyai isteri yang bekerja kilang
2. Gaji yang rendah adalah antara sebab utama untuk pendapatan rendah keluarga-keluarga yang ditinjau.
3. Saiz kebun yang kecil adalah sebab utama penoreh getah dan pemilik kebun kelapa sawit memperolehi pendapatan rendah. Satu pasangan suami isteri boleh mengendalikan 12 ekar getah dengan menoreh 6 ekar selang sehari. Mereka akan dapat 80 kg getah beku sehari yang boleh membawa pendapatan RM144 sehari. Jika dapat bekerja 20 hari pun pendapatan bulanan mereka adalah RM 2880. Tetapi dalam kajian ini, saiz terbesar yang dikerjakan oleh seorang penoreh adalah 8 ekar dan 89% penoreh getah mengerjakan kebun 3 ekar ke bawah keluasan. Tambahan pula, 64% daripada penoreh berada dalam perjanjian berkongsi hasil dengan tuan pemilik.
4. Pendapatan rendah masyarakat sekeliling adalah punca utama pendapatan rendah para peniaga yang ditinjau.
5. Tiada peluang kerja 8 jam sehari, 6 hari seminggu untuk golongan

penoreh getah (24 orang), golongan yang melakukan “kerja kampung” (19 orang), 6 orang peniaga dan 9 orang juruteknik. 58 orang daripada jumlah 136 ataupun 43% sampel kajian ini hanya dapat kerja separa masa walaupun mereka memerlukan pendapatan yang lebih besar. Ini bererti pengangguran tersembunyi (*hidden under-employment*) adalah satu masalah yang besar di kawasan desa Sg. Siput. Ini adalah amat pelik memandangkan kehadiran beberapa ribu pekerja asing di ladang-ladang dan kilang-kilang di sekitar Sg. Siput. Perkara ini harus dikaji lebih dalam lagi untuk elak daripada analisa cetek seperti “Orang kampung malas”.

6. 88 orang ataupun 65% daripada sampel yang ditinjau tidak mempunyai perlindungan sosial seperti KWSP ataupun Perkeso. Ini mempunyai implikasi negatif untuk masa depan mereka.

Pejabat Parlimen Sg. Siput

17hb September 2015

Surat Kepada Beberapa Orang Wakil Rakyat PAS, Amanah dan BN

Surat ini telah diberikan kepada 6 orang Ahli Parlimen pada bulan Oktober 2015 untuk mendapatkan pandangan mereka bagaimana mengendalikan satu kes berkaitan 3 orang adik-beradik yang sedang menghadapi masalah dalam menukarkan pentafsiran diri mereka sebagai orang Islam.

Sdr YB xxxxxxxx,

Tujuan saya dalam menghantarkan surat serta dokumen-dokumen berkaitan adalah untuk mendapatkan nasihat dan bantuan YB dalam mengendalikan isu Pengisytiharan Agama.

Saya dapat lebih kurang 300 kes baharu setahun di pusat servis saya di Sg Siput. Dalam jumlah itu mungkin ada 5 hingga 10 kes di mana pengadu meminta bantuan dalam menukarkan status agama yang dicatitkan di kad pengenalnya. Hampir kesemua kes seperti ini melibatkan anak kepada ibu bapa di mana lelaki Islam berkahwin perempuan bukan Islam dan selepas beberapa tahun meninggalkannya. Wanita itu kembali ke pangkuan keluarga asalnya dan membesarkan anak-anaknya dalam suasana bukan Islam. Tetapi apabila sampai masa perlu mendapatkan kad pengenalan timbullah masalah dengan pilihan nama dan catitan agama.

Dokumen yang saya sertakan adalah berkaitan 3 orang adik beradik yang mempunyai bapa yang pada satu ketika dahulu menukar agamanya dari Hindu ke agama Islam bila dia kahwin seorang wanita Islam. Selepas wanita itu meninggal dunia, bapa mereka berkahwin ibu mereka, seorang Hindu yang, untuk mendaftarkan perkahwinan itu, menukarkan agama ke Islam. Tetapi mereka tetap mengamalkan agama Hindu di rumah mereka. Ketiga-tiga anak mereka diberi nama Islam tetapi dibesarkan mengikut agama dan budaya Hindu.

Ibu bapa telah menggunakan kaedah “Deed Poll” (surat ikatan pol) pada awal 1990an untuk menukar agama mereka balik ke Hindu. Anak-anak mereka dinasihatkan tunggu hingga mereka sampai umur 21 tahun untuk melakukan prosedur yang sama. Tetapi penukaran 121 telah menutup ruang ini. Mereka dinasihatkan oleh Jabatan Pendaftaran untuk dapatkan surat dari Jabatan Agama. Jabatan Agama pula menasihatkan mereka menfaikan kes di Mahkamah Syariah untuk dapat izin.

Susulan itu, kes pertama mereka (2006) ditolak kerana prosedur salah. Kes kedua mereka yang difailkan pada tahun 2009 ditolak pada 2012 dengan perintah datang balik selepas menjalankan “Istitabah” selama 6 bulan.

Selepas menjalankan Istitabah ini kes mereka ditolak sekali lagi kerana Hakim menggunakan interpretasi yang amat sempit. (Sila lihat lampiran 6 dalam set dokumen – Alasan Penghakiman).

Mereka sudah membayar RM 30,000 kepada peguam syariah. Dua orang antara mereka telah berkahwin lelaki Hindu tetapi tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka.

Pendek kata, mereka diseksa oleh cara Sistem Perundangan Islam mengendalikan permohonan mereka.

Saya rasa ramai orang bukan Islam rela datang ke Mahkamah Syariah dan akur kepada keputusannya. Tetapi Mahkamah Syariah harus bertindak secara yang munasabah dan adil. Dalam kes ini, nampaknya Hakim Syariah enggan memberi keputusan yang adil kerana Hakim sendiri keliru ataupun dia takut akan dipandang sebagai seseorang yang tidak “mempertahankan” agama Islam.

Apakah yang harus dilakukan oleh saya? Halau 3 orang adik beradik

dengan mengatakan saya tidak boleh kendalikan kerana terlalu sensitif? Ataupun membawa ke pihak SUHAKAM sebagai satu kes pencabulan Hak Asasi manusia?

Saya tidak mahu mengheboh-hebohkan ini dalam media kerana itu akan membawa persepsi negatif terhadap Islam, dan juga menimbulkan kontroversi yang mungkin melambatkan lagi penyelesaian masalah 3 orang ini. Tetapi saya juga tidak boleh lepas tangan.

Bolehkah pihak YB menganjurkan diskusi di kalangan peguam dan hakim Syariah terhadap cara mengendalikan kes seperti ini? Isu-isu yang harus dijelaskan adalah

- Adakah permohonan adik beradik ini merupakan tindakan murtad? Mereka tidak pernah mengamalkan agama Islam, jadi bagaimanakah mereka boleh dikatakan keluar daripada Islam jika mereka tidak pernah berada di dalamnya?
- Haruskah ajaran di dalam Quran terhadap keadilan dan belas kasihan dijadikan asas dalam pengendalian kes seperti ini?
- Adakah seksaan terhadap 3 orang adik-beradik membantu dalam proses Dakwah Islam kepada masyarakat Bukan Islam ataupun sebaliknya?

Diskusi seperti ini tidak boleh dianjurkan oleh PSM!! Tetapi Parti PAS/ Amanah/UMNO boleh. Tolong bawakan isu ini ke perbincangan dalam parti supaya dapat cari jalan menanganinya.

Terima kasih.

Jeyakumar Devaraj

Kenyataan Akhbar: Impak Perjanjian TPPA Terhadap Buku-buku Rujukan Pelajar

Saya telah mengadakan 4 sesi persidangan akhbar dalam sesi parlimen terakhir untuk tahun 2015 untuk mendedahkan kesan-kesan negatif berkaitan Perjanjian TPPA. Oleh kerana banyak poin dalam 3 persidangan akhbar telah diulangi dalam perbahasan saya dalam Dewan Rakyat saya tidak merakamkan kenyataan akhbar itu di buku ini. Tetapi saya tidak berkesempatan membawa poin berkaitan pengetatan undang-undang hak cipta di perbahasan dalam Dewan. Kenyataan berkaitan isu ini adalah seperti berikut -

Perjanjian TPPA akan menjadikan undang-undang terhadap Hakcipta Buku jauh lebih ketat

- Tempoh hakcipta buku (copyright) dilanjutkan daripada 50 tahun ke 70 tahun selepas kematian pengarang buku.
- Hakcipta terhadap buku boleh dipajak ataupun dijual kepada pihak-pihak ketiga yang akan menikmati segala hak daripada hakcipta itu.
- Perjenayahan amalan fotostat sebahagian daripada buku-buku teks dengan mengenakan hukuman penjara terhadap pihak yang melakukannya

Article 18.77 (1): Each Party shall provide criminal procedures and penalties in cases of wilful copyright piracy.

Article 18.77 (6)(a): Each Party shall provide penalties that include sentences of imprisonment as well as monetary fines sufficiently high to provide a deterrent to future acts of infringement.

Mengehendaki kerajaan semua 12 negara terlibat menggubal undang-undang untuk merampas dan memansuhkan alat-alat yang digunakan untuk buat salinan fotokopi.

Article 18.77 (6)(c): Each Party shall provide for the seizure of suspected pirated copyright goods and the implements used in the commission of the alleged offence.

Article 18.77 (6)(e): Each Party shall provide for the authority to order the destruction of pirated copyright goods and the implements used in the commission of the offence.

Wujudnya kemungkinan besar bahawa Dana Pelabuhan Asing yang bersifat lintah darat akan membeli Hakcipta sejumlah buku teks untuk beberapa bidang pelajaran daripada pengarang asal. Dan setelah itu, menyewakan francais bagi mengutip royalti untuk buat fotokopi daripada buku-buku ini ke pihak-pihak lintah darat di 12 buah negara yang sertai TPPA. Pihak lintah darat yang menyewa francais ini boleh membuka kedai-kedai fotokopi di mana buku-buku ini dapat difotokopi tetapi dengan harga yang tinggi – mungkin RM 1 setiap muka surat ataupun lebih.

Pihak lintah darat yang memegang francais akan mencari dan mendakwa satu atau dua orang yang buat fotokopi buku-buku ini supaya dapat mewujudkan pasarannya. Hukuman berat terhadap “kesalahan” ini akan menakutkan orang awam dan juga pemilik kedai fotokopi dan pelajar terpaksa pergi ke pusat fotokopi lintah darat sahaja untuk melakukan fotokopi.

Kesemua ini tidak berlaku sebaik sahaja Perjanjian TPPA diratifikasikan. Tetapi dalam tempoh masa 10 ataupun 20 tahun sudah tentu perkembangan seperti ini akan berlaku dan pelajar kita akan dibebankan dengan kos yang tinggi.

Aduan Polis Terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

26/11/2015

Saya Ahli Parlimen Sg Siput mewakili Parti Sosialis Malaysia dan beberapa kumpulan NGO dalam membuat laporan polis ini terhadap, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato Seri Mustapha Bin Mohamed kerana memuktamadkan suatu perjanjian perdagangan yang bernama Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) pada 5hb. Oktober, 2015 yang lalu. Kami percaya perjanjian ini –

- Menyekat bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah negara kita
- Menghina Sistem Kehakiman Malaysia
- Menjejaskan kedaulatan Negara Malaysia

Sejak 5 tahun yang lalu, YB Datuk Seri Mustapa Mohamed, telah memimpin perundingan sulit dengan Amerika Syarikat dan 10 negara yang lain. Perundingan ini dirahsiakan daripada rakyat Malaysia dan juga Ahli-ahli Parlimen. Akhirnya, selepas memuktamadkan segala perundingan dan mencapai suatu persetujuan dengan Amerika Syarikat pada 5hb Oktober 2015, YB Datuk Seri Mustapa Mohamed telah mengejutkan negara dengan mengumumkan teks kandungan perjanjian TPPA pada 5hb November 2015.

Bab 9 dalam Perjanjian TPPA, iaitu Bab Pelaburan menghuraikan prosedur kendalikan selisih faham antara pelabur asing dan kerajaan kita. Ini digelar “Investor-State Dispute Settlement Procedure”, ataupun ISDS. ISDS ini.

- Memberi hak kepada pelabur-pelabur asing untuk menghadapkan Kerajaan kita ke Tribunal Antarabangsa. (Artikel 9.18)
- Mewajibkan kehadiran Kerajaan kita ke hadapan Tribunal Antarabangsa sebaik sahaja pihak pelabur asing mengadu ke situ.

Artikel 9.19 memberi kuasa penuh kepada pihak pelabur asing untuk mengheret kerajaan kita ke Tribunal Antarabangsa, tanpa merujuk ke Mahkamah Negara kita terlebih dahulu;

- Menerima kaedah menubuhkan Tribunal Antarabangsa ini dengan peguam-peguam korporat (Artikel 9.21) dan bukan dengan Hakim-Hakim yang berpengalaman daripada negara-negara yang menyertai perjanjian TPPA.
- Bersetuju bahawa keputusan Tribunal tidak boleh dirayu ke Mahkamah yang lebih tinggi.

Kaedah pengendalian selisih faham antara pelabur asing dan kerajaan kita yang dipersetujui oleh Datuk Seri Mustapa Mohamed dan pasukan perundingnya dari MITI, memberi gambaran seolah MITI sendiri mengatakan Sistem Kehakiman Malaysia adalah kurang kompeten sehingga ianya tidak boleh dipercayai untuk mengadili kes yang dikemukakan oleh pelabur asing. Ini merupakan penghinaan terhadap Sistem Mahkamah kita.

Sepatutnya demi menjaga sistem Kehakiman kita, pihak MITI harus mencadangkan bahawa;

- a. Aduan pelabur asing mesti dibawa ke Mahkamah Negara Malaysia dahulu. Hanya jika pendengaran kes ditangguh-tangguhkan lebih daripada satu tempoh masa munasabah ataupun jika keputusan mahkamah dianggap berat sebelah barulah diberi peluang kepada para pelabur untuk membawa ke Tribunal Antarabangsa.
- b. Tribunal Antarabangsa harus dianggotai oleh hakim-hakim berpengalaman daripada 3 buah negara yang juga sertai perjanjian TPPA.

Kegagalan YB Datuk Seri Mustapa Mohamed untuk mengutarakan posisi seperti ini telah mengaibkan Sistem Kehakiman Negara Malaysia dan memalukan rakyat kita. Pihak polis harus menyiasat perkara ini kerana peruntukan perjanjian ini menghina Kehakiman dan akan menyebabkan para

pelabur dan juga rakyat Malaysia tidak percaya kepada sistem Kehakiman Negara Malaysia.

Sekian laporan saya.

Jeyakumar Devaraj
Ahli Parlimen Sungai Siput

Sebarang pertanyaan dan urusan, sila menghubungi:

Dr. Kumar 019-5616807

Nagen 016-5910564

Seng Hean 016-4045348

Bhai 017-4938425

Sugu 012-5061357

Agastin 016-5964870

Letchu 016-5416366

Nathan 016-5986994

Chon Kai 019-5669518

Terbitan: Pejabat Parlimen Sungai Siput

20, Taman Orkid, 31100 Sungai Siput (U), Perak

Tel / Fax: 05-5972484